

**PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP MUZIUM
ORANG ASLI GOMBAK, SELANGOR**


MARINA BINTI BAH CHIP

UNIVERSITI



MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP
MUZIUM ORANG ASLI GOMBAK, SELANGOR**

Oleh:
MARINA BINTI BAH CHIP

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan
bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

☐

/

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

☐

SULIT

Dari Tarikh_____sehingga_____
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

MARINA BINTI BAH CHIP
Tarikh: 25/02/2025



Dr. Ainul Wahida binti Radzuan
Senior Lecturer
Department of Heritage Studies
Faculty of Creative Technology and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

Tandatangan Penyelia

DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN
Tarikh: 25/2/2025

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b,t dan salam sejahtera. Syukur ke hadrat llahi dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyelesaikan projek penyelidikan ini dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak takulti. Pertama sekali, saya ucapkan selinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan selama saya menyempurnakan tesis ini. Saya ucapkan jutaan terima kasih juga kepada pihak institusi iaitu Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang untuk menjalankan kajian dan membantu dari segi prosedur membuat kajian lapangan.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberi sokongan yang tidak berpenghujung dan doa kedua ibu bapa yang memudahkan segala proses dalam penghasilan tesis ini. Sekalung penghargaan kepada rakan seperjuangan saya juga tidak dilupakan kerana sering berkongsi maklumat dan informasi antara satu sama lain, segala pengorbanan dan penat lelah yang diberikan amatlah saya hargai dan ingati sampai bila-bila.

Akhir sekali, penghargaan itu ditujukan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan idea dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga kajian ini dapat memberi panduan kepada para pembaca dan pengkaji di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP MUZIUM ORANG ASLI GOMBAK, SELANGOR

ABSTRAK

Muzium Orang Asli Gombak, Selangor merupakan muzium yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Pengendalian Muzium Orang Asli Gombak bermatlamat untuk mendidik orang ramai mengenai sejarah dan perkembangan orang Asli Malaysia (Jabatan Kemajuan Orang Asli). Namun, kedatangan pengunjung ke Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan kerana lokasi muzium yang jauh dan kurang pengangkutan awam untuk ke muzium. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh muzium bagi memastikan pengunjung tertarik untuk berkunjung ke muzium. Kajian ini juga mempunyai tiga objektif utama iaitu: mengenalpasti faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan, mengkaji persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak dan menganalisis tindakan pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak untuk menarik pengunjung. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kesemua data didapati melalui temu bual, pemerhatian dan tinjauan. Seramai empat informan dan 321 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini melalui teknik pensampelan bertujuan pensampelan mudah secara rawak. Kedua-dua data kualitatif dan kuantitatif dianalisis menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif. Terdapat beberapa tema yang diekstrak daripada analisis data seperti jenis pengunjung, masalah yang dihadapi oleh muzium, koleksi pameran, aktiviti muzium, langkah memastikan pameran dan koleksi sentiasa relevan, strategi promosi dan kerjasama muzium dengan pihak berkepentingan. Oleh itu, kajian ini menyumbang sebagai sumber rujukan saintifik kepada pengkaji-pengkaji lain dan pihak berkenaan mengenai persepsi pengunjung terhadap muzium dan faktor yang menyebabkan muzium kurang mendapat sambutan.

Kata kunci: Muzium, Orang Asli, pameran, persepsi pengunjung, promosi

VISITOR PERCEPTION ON THE MUZIUM ORANG ASLI GOMBAK, SELANGOR

ABSTRACT

The Muzium Orang Asli in Gombak, Selangor, is a museum managed by the Department for Orang Asli Development (JAKOA). The aim of the Muzium Orang Asli Gombak is to educate the public about the history and development of the Orang Asli in Malaysia. However, the number of visitors to the Muzium Orang Asli Gombak is low due to the museum's remote location and the lack of public transport to reach it. Consequently, this study was conducted to gain a deeper understanding of the steps the museum needs to take to attract visitors. This study also has three main objectives: to identify factors contributing to the Gombak Orang Asli Museum's lack of popularity, to examine visitors' perceptions of the museum, and to analyse the management actions of the Gombak Orang Asli Museum aimed at increasing visitor numbers. A mixed-methods approach, incorporating both qualitative and quantitative methods, is employed in this study. Data was collected through interviews, observations, and surveys. A total of four informants and 321 respondents participated in this study via purposive sampling techniques and convenience sampling (simple random). Both qualitative and quantitative data were analysed using thematic analysis and descriptive analysis. Several themes were extracted from the data analysis, including types of visitors, problems faced by museums, exhibition collections, museum activities, measures to maintain the relevance of exhibitions and collections, promotional strategies, and collaborations with stakeholders. Therefore, this study serves as a scientific reference for other researchers and relevant parties regarding visitors' perceptions of museums and the factors contributing to their low response rates.

Keywords: exhibition, Orang Asli Museum, promotion, visitor perception

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	viii
 BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Struktur Projek Penyelidikan	
 BAB II KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Orang Asli	8
2.3 Konsep Muzium	9
2.4 Peranan Muzium	10
2.5 Koleksi Pameran	12
2.6 Jenis Muzium Di Malaysia	12
2.7 Bentuk Pameran	13
2.8 Pengunjung	14
2.9 Persepsi	14
2.10 Teori Persepsi	15

2.11 Kesimpulan	16
BAB III METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	17
3.2 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran (Mix Method)	17
3.3 Reka Bentuk Kajian: Kajian Kes	18
3.4 Sumber Data	18
3.4.1 Sumber Data Primer	18
3.4.2 Sumber Data Sekunder	19
3.5 Kaedah Kajian	19
3.5.1 Temu bual	19
3.5.2 Pemerhatian	20
3.5.3 Tinjauan	20
3.6 Persampelan Kajian	21
3.6.1 Persampelan Kajian Kaedah Kuantitatif	21
3.6.2 Persampelan Kajian Kaedah Kualitatif	22
3.7 Informan Kajian	22
3.8 Analisis Data	23
3.8.1 Analisis Data Kajian Kualitatif : Analisis Tematik	23
3.8.2 Analisis Data Kajian Kuantitatif : Analisis Deskriptif	24
3.9 Kesimpulan	25
BAB IV DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	26
4.2 Demografi Responden	26
4.3 Jenis Pengunjung	30
4.4 Faktor Yang Menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak Kurang Mendapat Sambutan	31
4.5 Masalah Yang Dihadapi Oleh Pihak Muzium	34
4.6 Koleksi Pameran	35
4.7 Aktiviti Muzium	37
4.8 Persepsi Pengunjung Terhadap Muzium Orang Asli Gombak	38

4.9 Tindakan Pihak Pengurusan Menambah baik Pengalaman Pengunjung	43
4.10 Langkah untuk Memastikan Pameran dan Koleksi Relevan	44
4.11 Langkah Untuk Menarik Pengunjung	46
4.12 Strategi Promosi	47
4.13 Kerjasama	49
4.14 Kesimpulan	50
BAB V KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	51
5.2 Rumusan Bab	51
5.3 Dapatan Utama	52
5.4 Cadangan	53
5.4.1 Kajian Mendalam	53
5.4.2 Bantuan Dana daripada Kerajaan	54
RUJUKAN	55

SENARAI RAJAH**Halaman****Rajah 1.1:** Etnik Orang Asli

8

SENARAI JADUAL**Halaman****Jadual 3.1:** Informan Temu Bual

22

Jadual 3.2: Transkrip Temu Bual Pengkaji

23

Jadual 3.3: Analisis Deskriptif Menggunakan Microsoft Excel

24

Jadual 4.1: Jantina Responden

27

Jadual 4.2: Umur Responden

27

Jadual 4.3: Tahap Pendidikan Responden

28

Jadual 4.4: Pekerjaan Responden

29

Jadual 4.5: Faktor Yang Menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak
Kurang Mendapat Sambutan

31

Jadual 4.6: Persepsi Pengunjung Terhadap Muzium Orang Asli di Aras 1

38

Jadual 4.7: Persepsi Pengunjung Terhadap Muzium Orang Asli di Aras 2

40

Jadual 4.8: Fasiliti Muzium

42

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Muzium Orang Asli Gombak, Selangor merupakan muzium yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Pengendalian Muzium Orang Asli Gombak bermatlamat untuk mendidik orang ramai mengenai sejarah dan perkembangan orang Asli Malaysia (Jabatan Kemajuan Orang Asli). Penubuhan Muzium Orang Asli Gombak adalah cetusan idea daripada Dr. Baharon Azhar Bin Raffie, Beliau merupakan bekas Ketua Pengarah JAKOA yang ke-4 dan berkhidmat dari tahun 1969-1986. Beliau telah berusaha selama enam tahun dalam mengumpulkan koleksi artifak bagi memastikan Muzium Orang Asli berjaya ditubuhkan.

Kewujudan muzium adalah sangat penting dalam mengekalkan khazanah warisan dan budaya bangsa. Menurut *International Council of Museums* (24 Ogos 2007), muzium didefinisikan sebagai sebuah institusi yang tidak mencari keuntungan dan menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat yang menyelidik, mengumpul, memulihara, mentafsir dan mempamerkan warisan ketara dan tidak ketara. Selain itu, (Darwis 2021) juga menyokong bahawa muzium telah berakar umbi dalam masyarakat kontemporari sebagai pengumpul, pemulihara dan penjaga artifak. Hal ini kerana, masyarakat adalah organisasi yang sangat penting dalam menjaga warisan budaya yang sedia ada. Pada tahun 2005, Othman Yatim mentakrifkan muzium sebagai sebuah bangunan atau kompleks yang mempamerkan bahan sejarah, seni dan sains yang berfungsi sebagai bahan rujukan. Koleksi yang bernilai menjadi bukti kepada negara mengenai peristiwa sejarah atau peristiwa penting. Muzium juga berfungsi sebagai tempat rujukan dan penyelidikan (Jalal et al.2019).

Pada era globalisasi ini, muzium memainkan peranan dan fungsi penting untuk menarik minat pelancong datang berkunjung ke muzium. Menurut Falk dan Dierking (2011), kebanyakan pengunjung mengunjungi muzium pada hari cuti dan hujung

minggu. Falk dan Dierking juga menyatakan bahawa kebanyakan pengunjung muzium terdiri daripada kanak-kanak yang ingin memenuhi masa lapangan dan menyertai aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh muzium. Selain itu, program yang dianjurkan oleh muzium sangat penting dan memberi manfaat kepada pengunjung selain mengetengahkan identitas sebuah muzium. Secara tidak langsung, keunikan dan keistimewaan sesebuah muzium juga dapat menarik minat pengunjung untuk datang ke muzium. Menurut Ambrose dan Paine (2018), program yang dianjurkan oleh muzium boleh memberi pengetahuan baharu dan mempamerkan keunikkan yang terdapat dalam setiap nilai budaya masyarakat. Contohnya, Muzium Peranakan di Melaka menceritakan tentang kehidupan dan budaya masyarakat peranakan. Selain menyimpan koleksi pameran yang berkaitan dengan sejarah masa lalu dan bersesuaian dengan perkembangan masyarakat di dunia.

Selain itu, pada tahun 2019, Malaysia telah digemparkan dengan wabak Covid-19 yang telah memberi kesan buruk kepada masyarakat, perniagaan, kerajaan, institusi warisan dan negara. Justeru itu, kerajaan telah mengambil tindakan drastik dalam mengekang penyebaran wabak Covid 19, dengan penguatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memerlukan gerak kerja erat antara pihak polis, tentera dan pasukan keselamatan yang lain untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang awam terjaga. Selain daripada langkah di atas, kerajaan juga menggalakkan semua rakyat untuk memakai pelitup muka dan sentiasa membasuh tangan bagi mengelakkan penularan wabak covid 19. Oleh itu, negara melanda penyebaran Covid 19 maka pihak muzium mengehadkan jumlah pengunjung ke muzium.

1.2 Pernyataan Masalah

Muzium adalah organisasi yang tidak mengutamakan keuntungan. Ritchie (2003) telah menyokong kenyataan ini dengan menyatakan bahawa muzium adalah institusi yang menawarkan pendidikan, pembelajaran, ekopelancongan, dan warisan. Kajian ini memfokuskan kepada Muzium Orang Asli di Gombak, Selangor, Malaysia dengan mendedahkan sejarah dan adat resam masyarakat Orang Asli di Malaysia. Pada 29 September 1987 Perdana Menteri ke-empat Tun Dr.Mahathir bin Mohamad telah membuka dan merasmikan muzium ini.

Walau bagaimanapun, Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan daripada pengunjung. Hal ini turut dibuktikan melalui temu bual di antara Berita Harian bersama Mohd Jiwa Zulkifli yang mengatakan bahawa tidak ramai pengunjung yang berkunjung ke Muzium Orang Asli Gombak (Dris,2015). Oleh itu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kedatangan pengunjung ke muzium. Antaranya adalah faktor dalaman dan luaran. Menurut Aziz (n.d) salah satu faktor dalaman yang menarik minat pengunjung datang ke muzium ialah keinginan mereka untuk mendapatkan pengetahuan intelektual, manakala faktor luaran pula ialah pengunjung menganggap muzium sebagai tempat menghiburkan. Berdasarkan faktor inilah yang mendorong pengunjung berkunjung ke muzium untuk mengisi masa lapang bersama rakan-rakan mereka.

Di samping itu, kekurangan jumlah pengunjung ke muzium juga adalah disebabkan oleh kurangnya promosi yang dijalankan oleh muzium. Nashurriddin (2012) turut menyatakan bahawa muzium menghadapi cabaran besar dalam merancang aktiviti promosi kerana sumber kewangan yang terhad dan kakitangan yang tidak mencukupi. Sumber kewangan yang terhad bermaksud muzium sukar untuk membiayai aktiviti promosi yang dijalankan kerana kos promosi yang mahal. Selain itu, kekurangan bilangan kakitangan juga boleh menyebabkan aktiviti promosi terhalang. Oleh itu, untuk menarik pengunjung datang ke muzium, promosi berterusan sangat diperlukan bagi memastikan orang ramai sedar dan cakna dengan aktiviti-aktiviti yang terdapat di muzium. Aktiviti mempromosikan muzium boleh dilakukan melalui internet, saluran televisyen dan radio.

Seterusnya, kaedah pameran atau suasana pameran yang tidak menarik juga menjadi punca kekurangan pengunjung mengunjungi ke muzium. Menurut Jeong dan Lee (2006). Faktor terbesar yang mempengaruhi kepuasan pengunjung ke muzium adalah disebabkan suasana pameran. Hal ini kerana, pengunjung datang ke muzium untuk mempelajari sesuatu sejarah, adat resam, budaya dan warisan sesebuah masyarakat. Oleh itu, pameran adalah sumber rujukan pengunjung untuk mendapatkan ilmu sekiranya pameran yang dipamerkan oleh muzium tidak menarik, ia boleh memberi kesan kepada kedatangan pengunjung. Contohnya, kandungan pameran yang dipamerkan oleh pihak muzium tidak relevan dengan perubahan masa. Oleh itu, menyebabkan pengunjung kurang berminat untuk pergi ke muzium.

Cabaran yang dihadapi oleh pihak muzium seterusnya adalah penularan penggunaan muzium digital yang menggantikan muzium konvensional. Muzium digital

boleh memberi kesan kepada ekonomi tempatan. Muzium digital ialah institusi yang menyimpan, memaparkan, dan menguruskan koleksi artifak dan bahan pameran mereka melalui penggunaan teknologi digital. Untuk menawarkan pengalaman yang berharga dan memuaskan kepada pengunjung, muzium digital menggunakan imej digital, video, audio, dan interaktif media. Oleh itu, para pengunjung boleh mengakses di laman web muzium bila-bila masa sebagai rujukan bahan pelajaran dan pembelajaran. Kesannya apabila semua maklumat di hujung jari para pengunjung mengurangkan aktiviti mereka ke muzium secara fizikal (Hung, 2013).

Di samping itu, bagi meningkatkan kedatangan pengunjung ke muzium "*guard tour*" juga perlu menunjukkan peranan atau sikap yang memberi impak positif kepada pengunjung. Menurut (Saputra et al., 2022) "*guard tour*" merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memberikan memori yang berharga kepada pengunjung dari segi layanan, sambutan yang ramah dan sebagainya. Hal ini kerana, kebanyakan pengunjung yang berkunjung ke muzium ingin mendapatkan sesuatu ilmu, maka "*guard tour*" adalah orang yang akan menyampaikan maklumat dengan ringkas dan mudah di fahami. Perwatakan yang ditunjukkan oleh "*guard tour*" merupakan salah satu kaedah yang boleh meningkatkan kedatangan pengunjung ke muzium (Fahmi, 2021).

Akhir sekali kekangan akses terhadap pengangkutan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan juga menyebabkan aktiviti pengunjung ke muzium terhalang. Menurut (Dris, 2015) mengatakan bahawa pengunjung kekurangan maklumat mengenai pengangkutan awam seperti bas yang disediakan oleh pihak kerajaan, terutamanya pelancong asing. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh muzium bagi memastikan pengunjung tertarik untuk berkunjung ke muzium.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif utama di dalam kajian ini iaitu ;

1. Mengenal pasti faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan.
2. Mengkaji persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak.
3. Menganalisis tindakan pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak untuk menarik pengunjung.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian di dalam kajian ini iaitu;

1. Apakah faktor yang menyebabkan muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan?
2. Bagaimanakah persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak?
3. Bagaimanakah tindakan pihak pengurusan Muzium Orang Asli untuk menarik pengunjung?

1.5 Skop Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memahami dengan lebih mendalam langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh muzium bagi memastikan pengunjung tertarik untuk berkunjung ke muzium. Selain itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak dan tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak untuk menarik pengunjung. Kajian ini menggunakan kaedah campuran untuk mendapatkan lebih banyak lagi maklumat mengenai masalah ini. Kajian lepas juga digunakan untuk mengukuhkan lagi setiap fakta yang dikemukakan. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak bagi memilih informan yang sesuai untuk mengambil bahagian dalam kajian penyelidikan. Kajian ini dijalankan di kawasan sekitar Muzium Orang Asli Gombak. Tempoh masa yang diambil bagi menyiapkan kajian ini adalah selama 4 bulan. Kajian ini juga menggunakan teori persepsi bagi mengukuhkan lagi asas kajian. Kajian ini menggunakan kaedah campuran (*mix method*) iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dalam kaedah kualitatif menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian, manakala

dalam kaedah kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Seterusnya, untuk menganalisis data kajian ini menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan penting kerana Muzium Orang Asli Gombak Selangor adalah salah sebuah Muzium Orang Asli yang lengkap berbanding dengan Muzium Orang Asli yang lain. Di dalam Muzium Orang Asli Gombak pengunjung boleh mempelajari sebanyak 1300 artifak bagi 18 suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kajian ini juga memberi impak besar kepada individu, masyarakat, muzium dan juga institusi pelancongan dalam memberi kesedaran mengenai masyarakat Orang Asli.

1.6.1 Individu

Kajian ini memberi faedah kepada seseorang individu mengenai masyarakat Orang Asli. Selain itu, keberkesanan kajian ini juga individu boleh mengetahui dengan mendalam tentang adat resam, budaya dan cara hidup masyarakat Orang Asli. Dengan ini dapat membantu seseorang individu untuk mengembangkan ilmu pengetahuan mengenai sesuatu masyarakat. Tambahan lagi, kajian turut membolehkan individu meningkatkan kesedaran menghormati terhadap budaya bangsa lain.

1.6.2 Masyarakat

Kajian ini memberi kesedaran kepada masyarakat di luar tentang kewujudan Muzium Orang Asli, Gombak. Selain itu, memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga dan mengekalkan warisan dan budaya yang dimiliki. Selain itu, menerusi kajian ini, masyarakat juga berpeluang untuk mengetahui warisan dan budaya yang dimiliki oleh masyarakat lain. Oleh itu, melalui kajian ini masyarakat boleh mengkaji dan mengetahui setiap koleksi dan artifak yang dipamerkan. Melalui kajian ini juga dapat mempromosikan kewujudan mengenai Muzium Orang Asli Gombak kepada masyarakat khususnya golongan belia.

1.6.3 Institusi Muzium

Muzium Orang Asli Gombak, Selangor adalah satu muzium Orang Asli yang kurang mendapat sambutan disebabkan kedudukan muzium ini terletak di kawasan yang terperinci. Oleh itu, kajian ini dapat membantu pihak muzium untuk menarik semula pengunjung ke muzium ini. Kajian ini juga dilakukan bagi menyelamatkan muzium Orang Asli Gombak ini ditutup dan terus dilupakan oleh masyarakat. Dalam usaha untuk menyelamatkan muzium ini beberapa pihak berkepentingan perlu bekerjasama seperti ialah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Warisan Negara dan Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Muzium Malaysia dalam memastikan muzium ini terus beroperasi dengan menambah baik sistem pentadbiran yang sedia ada.

1.7 Struktur Projek Penyelidikan

Secara keseluruhannya, kajian penyelidikan ini mengandungi lima bab. Bab satu adalah mengenai pengenalan kajian. Bab dua pula mengetengahkan kajian literatur yang merangkumi konsep muzium, peranan muzium, koleksi pameran, jenis muzium di Malaysia, bentuk pameran, pengunjung, persepsi, teori dan kesimpulan. Seterusnya, bab tiga menjelaskan mengenai metodologi kajian yang merangkumi pendekatan kajian campuran, kaedah pengumpulan data primer dan sekunder, kaedah kajian iaitu temu bual, pemerhatian dan tinjauan, persampelan kajian dan responden kajian. Selain itu, bab tiga ini juga menjelaskan teknik analisis data iaitu teknik analisis deskriptif bagi data kuantitatif, manakala teknik analisis tematik bagi data kualitatif. Akhir sekali, bab tiga ini juga menjelaskan kesimpulan bab tiga.

Di samping itu, bab empat pula membincangkan mengenai analisis kajian yang menjawab kepada ketiga-tiga objektif kajian. Oleh itu, merangkumi demografi responden, faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan, persepsi pengunjung terhadap Aras 1 dan Aras 2 di Muzium Orang Asli Gombak, fasiliti muzium, tindakan pihak pengurusan untuk menambah baik pengalaman pengunjung, langkah untuk memastikan pameran dan koleksi relevan, langkah untuk menarik pengunjung, strategi promosi, kerjasama dan akhir sekali adalah kesimpulan. Manakala bab lima pula menjelaskan mengenai rumusan bab, dapatan utama dan cadangan kajian untuk pengkaji akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab dua menerangkan mengenai pengertian muzium, peranan muzium, koleksi muzium dari pelbagai perspektif khususnya dari sudut profesional dan ahli akademik, dan konvensyen antarabangsa. Bab ini juga membincangkan jenis-jenis muzium di Malaysia terutamanya dalam bentuk pameran dan koleksi serta persepsi pengunjung yang berkunjung ke muzium. Teori juga turut diterangkan di dalam bab ini terutama teori yang berkaitan dengan persepsi.

2.2 Orang Asli



Rajah 1.1: Etnik Orang Asli

Antara lima puluh hingga enam puluh ribu tahun dahulu, orang Asli menduduki Semenanjung Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada migrasi manusia awal dari Afrika. Masyarakat Orang Asli adalah masyarakat yang tinggal di pinggir bandar, pekan, bandar kecil, persisiran pantai, hulu sungai dan kawasan pendalaman Semenanjung Malaysia. Orang Asli masih mengekalkan gaya hidup nenek moyang

mereka. Semasa bancian penduduk Malaysia pada tahun 2007, hanya 141,230 orang Orang Asli, atau 0.6 peratus daripada semua penduduk masyarakat lain di Malaysia.

Oleh itu, masyarakat Orang Asli terbahagi kepada tiga kelompok utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Ketiga-tiga kelompok ini dapat dibezakan melalui bahasa, cara hidup, tempat tinggal, paras rupa dan warna kulit. Ketiga-tiga kelompok ini juga dibahagikan kepada 18 suku kaum dengan satu kelompok utama ini dibahagi kepada enam suku kaum. Kelompok suku kaum Orang Asli Negrito terdiri daripada kumpulan etnik Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Selain itu, kelompok Senoi terdiri daripada Che Wong, Mah Meri, Jahut, Semoq Beri dan Temiar. Akhir sekali, kelompok Melayu Proto terdiri daripada suku Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar (Rajah 1.1).

2.3 Konsep Muzium

Muzium ialah sebuah institusi yang mengumpul, mendokumentasikan, mengawet, mempamerkan dan mentafsir bahan bukti dan maklumat yang berkaitan dengan koleksi bahan untuk kegunaan umum menurut ICOM iaitu *International Council of Museum (2022)*. Menurut Albuquerque dan Delgado (2015), fungsi asal muzium adalah untuk mengumpulkan artifak atau bahan pameran zaman dahulu dengan bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat kini. Hal ini kerana, masyarakat merupakan organisasi yang sangat penting untuk menjaga warisan budaya yang sedia ada. Muzium juga merujuk kepada bangunan yang menyimpan objek dan warisan lama yang berharga bagi rujukan generasi akan datang.

Selain itu, muzium juga berfungsi sebagai tempat penyimpanan (*depository*) bahan yang mempunyai nilai sains, sejarah dan kesenian yang dikumpul dan dipamerkan. Brown, (2019) mendefinisikan muzium sebagai

“...sebuah organisasi yang mengutamakan pemeliharaan barang berharga dengan menggambarkan fenomena alam dan aktiviti manusia serta bagaimana ia boleh digunakan untuk meningkatkan pengetahuan, budaya dan kesedaran masyarakat...”

Khazanah yang disimpan di muzium dapat membantu generasi kini dalam memahami budaya masyarakat terdahulu. Pengamatan dan pembacaan bahan yang dipamerkan di muzium boleh memberikan gambaran mengenai kehidupan dan tahap intelektual masyarakat zaman dahulu berbanding masyarakat zaman moden atau kini.

Menurut *ICOM* atau *International Council of Museum* (2022) muzium ialah sebuah institusi yang tidak mencari keuntungan, kekal dalam perkhidmatan masyarakat yang menyelidik, mengumpul, memulihara, mentafsir dan mempamerkan warisan ketara dan tidak ketara. Muzium juga terbuka kepada orang ramai, boleh diakses dan bersifat inklusif serta memupuk kepelbagaian dan kemapanan. Muzium beroperasi dan berkomunikasi secara beretika, profesional dengan melibatkan penyertaan komuniti, menawarkan pelbagai pengalaman dalam pendidikan, mencarikan keseronokan, refleksi dan perkongsian pengetahuan.

2.4 Peranan Muzium

Muzium memainkan peranan yang besar dalam mendidik masyarakat mengenai peninggalan bahan-bahan lama. Muzium juga bertindak sebagai sumber sokongan pengajaran dan pembelajaran terutama subjek atau kursus yang berkaitan dengan sejarah. Selama tiga dekad, pendidikan sejarah telah membangunkan kemahiran, keupayaan untuk menjalankan penyelidikan sejarah dengan menggunakan pelbagai jenis bukti sejarah (Marcus et al., 2012). Oleh itu, pelajar berpeluang untuk berinteraksi dengan artifak yang dipamerkan oleh pihak muzium termasuk juga di lokasi bersejarah. Selain itu, muzium juga mampu meningkatkan pemahaman tentang kandungan bahan yang berkaitan dengan sejarah, pemikiran dan kemahiran literasi sejarah. Muzium juga boleh memberi ilmu dan pengalaman dalam pembelajaran luar bilik darjah seperti menggunakan teknologi untuk mengkaji masa lalu. Contohnya, VR digunakan untuk melihat peristiwa bersejarah yang terdahulu. Penggunaan VR juga adalah seperti melihat realiti sejarah pada zaman dahulu.

Seterusnya, masyarakat menganggap muzium menyimpan barang-barang lama yang tidak berharga dan membosankan. Namun, masyarakat tidak mengetahui bahawa muzium dijadikan sebagai tempat pendidikan yang tidak formal. Pernyataan ini turut disokong Mohd Yusof et al. (n.d) beliau menyatakan bahawa muzium mampu menyalurkan pendidikan sejarah melalui pameran dan koleksi pamerannya. Umum

mengetahui bahawa muzium banyak menyimpan koleksi yang bersejarah. Hal ini boleh dikaitkan dengan peranan muzium yang menjadi rujukan bagi pendidikan dan pembelajaran tidak formal terutamanya bagi mata pelajaran sejarah. Dalam artikel yang ditulis oleh Abas & Yusoff (2017), muzium memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat dengan cara yang unik dan berbeza daripada pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan yang khusus. Kerana muzium mengajar orang ramai tanpa bergantung pada buku, guru dan sekolah. Muzium menawarkan pendidikan kepada masyarakat melalui artifak yang dipamerkan dan memberikan pendidikan kepada masyarakat mengikut kehendak dan pemikiran masyarakat moden di mana selain memamerkan objek atau peninggalan sejarah, muzium sering menyediakan paparan dan inisiatif pendidikan yang berkaitan dengan isu dan budaya kontemporari. Muzium seterusnya berfungsi sebagai pusat pendidikan tidak rasmi kepada masyarakat melalui semua barangan yang dipamerkan dan aktiviti yang dijalankan di dalamnya.

Muzium juga berfungsi sebagai institusi yang melestarikan warisan dan budaya sesebuah masyarakat. Pelastarian warisan dan budaya bergantung kepada pameran dan pengumpulan koleksi yang dilakukan oleh pihak muzium (Maslan, 2024). Muzium juga bertanggungjawab dalam menjaga dan memulihara artifak lama dan memberi gambaran kisah silam kepada pengunjung dengan bentuk yang baharu. Gambaran kisah silam kepada bentuk atau kaedah yang baharu bermaksud muzium menceritakan semula sejarah kisah silam dengan menggunakan koleksi dan pameran. Selain itu, muzium berfungsi sebagai tempat penyelidikan mengenai sejarah terutamanya zaman sebelum penjajahan dan merdeka. Muzium juga menyimpan artifak dan barangan lama sebagai sumber rujukan kepada masyarakat dan pendidikan.

Muzium juga berperanan sebagai institusi yang menerapkan kesedaran pendidikan sejarah kepada masyarakat. Menurut Ahmad (2008) muzium tetap merupakan komponen yang digunakan oleh kerajaan untuk memupuk nilai patriotisme dan kenegaraan dalam konteks pembinaan kesedaran masyarakat. Contohnya, melalui pameran yang dipamerkan dalam muzium. Hal ini kerana, pemerhatian galeri muzium membolehkan pemahaman secara langsung.

2.5 Koleksi Pameran

Koleksi merupakan bahan atau sesuatu yang dikumpul untuk dipertandingkan atau dipamerkan. Pameran pula merujuk kepada suatu aktiviti komunikasi karya seni bagi menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Pameran adalah salah satu bahan yang menjadi keinginan manusia untuk melihat, menonton dan menilai (Abd Jalal, et al., 2020a). Koleksi dan pameran merupakan sesuatu yang saling berkait rapat. Kerana, koleksi merupakan asas kepada pameran. Contohnya, koleksi sesuatu artifak akan dikumpulkan dan dipamerkan kepada masyarakat. Dari masa ke semasa, koleksi dan pameran juga berubah dan berkembang dari segi menyampaikan maklumat. Mengalami perkembangan dan perubahan merujuk kepada perubahan dalam konteks di mana muzium berusaha untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat dengan cara yang berkesan dan mudah di fahami. Contohnya, pihak muzium menyediakan audio, kemudahan digital bagi mengakses maklumat tambahan. Koleksi yang terdapat di dalam sesebuah muzium juga perlu dititikberatkan oleh pihak muzium. Kerana koleksi pameran adalah salah satu bahan yang mampu menarik minat pengunjung untuk mempelajari sesuatu artifak dengan lebih mendalam. Setiap artifak yang dipamerkan oleh muzium mempunyai sejarah dan latar belakang tersendiri. Pengunjung merasa berbaloi sekiranya muzium yang dikunjungi dapat mempamerkan banyak bahan koleksi yang berharga. Setiap koleksi yang dipamerkan perlu dilabelkan dan diterangkan secara jelas agar pengunjung dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai artifak yang dipamerkan. Kerana pameran merupakan bahan kekuatan sesebuah muzium.

2.6 Jenis Muzium di Malaysia

Muzium di Malaysia mengalami dua tahap perubahan iaitu perubahan sebelum pascamerdeka dan perubahan selepas merdeka. Oleh itu, pencetusan ideologi penubuhan institusi muzium di Malaysia adalah ideologi yang dicetuskan oleh penjajah British pada zaman kolonial (Abd Jalal, et al., 2020b). Semasa zaman pasca merdeka British telah memperkenalkan tiga buah muzium sahaja, selepas kemerdekaan muzium-muzium yang terdapat di Malaysia semakin bertambah sebanyak 189 buah muzium. Antara muzium yang terawal di bina oleh penjajah British di Tanah Melayu adalah bermula dengan penubuhan Muzium Perak dibina pada tahun 1883. Penubuhan Muzium Perak pada tahun 1883 untuk mengkaji tentang kehidupan sosial masyarakat

Melayu di Tanah Melayu. Selain itu, pada tahun 1888 wujud penubuhan Muzium Sarawak di Kuching. Kemudian pada tahun 1907 Muzium Selangor pula ditubuhkan. (Ahmad, 2008) menyatakan bahawa muzium terbahagi kepada empat jenis iaitu galeri-galeri diraja di mana mempamerkan warisan-warisan diraja. Jenis muzium kedua adalah muzium jenis tematik yang merujuk kepada pameran seperti arkeologi, seni dan lain-lain. Seterusnya, jenis muzium ketiga ialah muzium memorial yang bertumpukan kepada sejarah-sejarah peninggalan pada bangunan dan tokoh tertentu. Jenis muzium yang terakhir adalah muzium umum. Muzium umum merupakan muzium yang menonjolkan sejarah tentang warisan budaya yang terdapat pada sesebuah masyarakat.

2.7 Bentuk Pameran

Pameran merupakan aktiviti yang menonjolkan karya seni. Menurut Harrison (1995), pameran adalah himpunan objek yang dipamerkan kepada orang ramai. Pameran disusun bagi membolehkan pengunjung memahami maksud objek pameran dan memberi interpretasi yang berbeza dalam setiap masyarakat. Galeri pula ialah ruang atau gedung yang digunakan untuk menyimpan dan mempamerkan karya seni. Reka bentuk di setiap pameran muzium sangat memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada pengunjung. Muzium juga memainkan peranan sebagai institusi pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Selain itu, muzium berfungsi sebagai tempat menyimpan khazanah negara seperti warisan sesebuah masyarakat, adat, sejarah dan lain-lain. Oleh itu, untuk membina atau mencipta pameran di sesebuah muzium haruslah mengambil kira beberapa aspek bagi menghasilkan pameran yang berkesan dan bermanfaat kepada orang ramai. Ini kerana jika reka bentuk sesebuah muzium gagal, secara tidak langsung ia akan memberi kesan yang negatif kepada pemikiran masyarakat. Hal ini kerana, banyak perkara perlu dititikberatkan apabila merancang pameran. Ini termasuk cara pameran yang dihasilkan tersebut berinteraksi dengan pengunjung dan maklumat yang ingin disampaikan kepada mereka. contohnya, bentuk pencahayaan dan suhu yang diperlukan, gaya, reka bentuk, warna dan tekstur, bahan yang digunakan untuk menyampaikan maklumat dan bahan lain. Oleh itu, bentuk pameran di setiap muzium berbeza mengikut kreativiti pihak muzium tersebut.

2.8 Pengunjung

Perkataan *tourism* yang berasal daripada perkataan Greek “tornos” yang membawa maksud pergerakan manusia dalam bentuk kumpulan atau bulatan. Selain itu, pengunjung juga merujuk kepada individu yang bergerak ke suatu tempat dari tempat tinggal atas tujuan tertentu. Definisi ini sependapat dengan Mathieson (1982) beliau menyatakan bahawa pengunjung melibatkan pergerakan ke suatu kawasan dalam masa yang singkat. Selain itu, pengunjung menurut Rafferty (1993) merujuk kepada seseorang yang mempunyai masa lapang dan mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk mengunjungi kawasan yang jauh dari tempat tinggal. Di samping itu, pengunjung yang melawat ke Muzium Orang Asli Gombak, Selangor ini bukan sahaja pengunjung tempatan malah pengunjung dari luar negara juga ada yang melawat muzium ini. Hal ini kerana, setiap pengunjung mempunyai keinginan sendiri untuk mempelajari sesuatu budaya dan warisan. Oleh itu, walaupun muzium ini hanya mempamerkan tentang kehidupan masyarakat Orang Asli, namun ada juga pengunjung dari bangsa lain datang melawat untuk mempelajari budaya masyarakat Orang Asli.

2.9 Persepsi

Persepsi merupakan suatu gambaran serta berfikiran sesuatu benda. Persepsi adalah komponen penting dalam proses berfikir kerana ia membantu membuka minda pada peringkat awal. Persepsi, menurut Muda et.al (2023) ialah proses yang digunakan oleh orang ramai untuk memahami rangsangan deria. Kesedaran dan tindak balas seseorang boleh menunjukkan corak yang signifikan. Corak signifikan ia tidak berlaku secara automatik sebaliknya, pemahaman dan tafsiran yang dibuat dengan sengaja. Akhir sekali menurut, Muda et.al (2023) “...Persepsi ialah satu proses di mana individu mentafsir dan memberi makna kepada rangsangan yang diterima melalui deria...” Ini termasuk kesedaran dan tindak balas individu terhadap rangsangan tersebut, yang merupakan pengalaman peribadi dan unik kepada setiap orang. Persepsi terdiri daripada pola bermakna yang tidak berlaku secara automatik tetapi memerlukan masa yang lama untuk dibentuk, melalui proses tafsiran dan pemahaman yang sistematik. Dengan erti lain pengunjung tidak boleh sekadar membaca atau melihat maklumat secara permukaan, mereka perlu menganalisis, memahami konteks, dan menghubungkan maklumat dengan pengetahuan mereka yang sedia ada untuk mendapatkan pemahaman

yang lebih menyeluruh. Menurut Walgito (1969) persepsi ialah tindakan dalam diri yang bermula dengan menerima rangsangan dan kemudian bertindak balas dengan mengiktiraf dan memahami dorongan, yang membolehkan individu mengenali persekitaran mereka.

2.10 Teori Persepsi

"Persepsi" berasal daripada perkataan Latin "percepto" dan "percipio", yang bermaksud penyusunan, pengenalan dan terjemahan maklumat yang diterima oleh pancaindera manusia untuk membantu mereka memahami persekitaran sekeliling. Persepsi merujuk kepada kajian tentang cara manusia memahami dunia melalui pengalaman mereka. Teori persepsi ini mengkaji bagaimana perkara seperti motivasi, emosi, pengetahuan, dan pengalaman mempengaruhi cara kita melihat dunia. Menurut Hasanah et.al (2024) terdapat dua teori persepsi yang berbeza iaitu teori persepsi bawah-ke-atas (bottom-up) dan teori persepsi atas-ke-bawah (top-down). Menurut teori persepsi bawah ke atas, input deria memulakan proses persepsi, yang kemudiannya diproses oleh sistem kognitif untuk menghasilkan persepsi yang lebih kompleks. Ini menunjukkan bahawa data deria yang diterima dari persekitaran sekitar mempengaruhi persepsi. Dalam teori persepsi bawah ke atas, proses ini bermula pada tahap deria yang lebih rendah dan berkembang ke tahap kognitif yang lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa data deria yang diterima membentuk persepsi. Persepsi juga merujuk kepada proses mengetahui atau mengenali sesuatu objek dengan bantuan semua pancaindera yang dimiliki oleh manusia. Di mana seseorang menerima rangsangan dari luar dengan penuh kesedaran, dan kemudian cuba memahami dan menginterpretasikan rangsangan kepada makna yang boleh di fahami.

Oleh yang demikian, teori persepsi ini menjadi panduan persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak. Selain itu, teori ini juga digunakan untuk pemerhatian dan temu bual bagi melihat sejauh mana Muzium Orang Asli Gombak ini mempengaruhi kedatangan pengunjung. Ini juga bertujuan untuk melihat persepsi pengunjung dari sudut pandangan positif atau negatif terhadap Muzium Orang Asli Gombak.

2.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian literatur ini membantu pengkaji untuk mencari maklumat tambahan berkaitan dengan kajian. Selain itu, kajian literatur ini juga mampu menyempurnakan kajian hasil daripada bacaan buku, bahan ilmiah dan artikel yang dihasilkan oleh pengkaji lain mengenai tajuk kajian yang dipilih. Melalui kajian literatur ini juga pengkaji boleh membezakan dan menambah maklumat-maklumat baru mengenai kajian bagi mengukuhkan lagi maklumat yang ingin disampaikan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Penyelidikan ini bertujuan untuk menjawab ketidakpastian tentang perkara atau fenomena yang telah, sedang atau belum berlaku. Selain itu, kajian ini boleh dikaji dengan lebih mendalam lagi dengan adanya metodologi kajian ini. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) menggambarkan metodologi kajian sebagai sistem yang menggabungkan kaedah dan prinsip untuk sesuatu kegiatan. Metodologi kajian termasuk kaedah untuk mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data untuk menghasilkan bukti yang menyokong kajian. Jelaslah bahawa bab tiga menerangkan metodologi yang digunakan untuk mendapat maklumat kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian campuran iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kes. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual, tinjauan dan pemerhatian. Persampelan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan analisis data tematik dan analisis deskriptif.

3.2 Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran (*Mixed Method*)

Kajian mengenai persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak ini menggunakan pendekatan campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Menurut Creswell (2007) kaedah campuran adalah kajian yang memfokuskan kepada gabungan kedua-dua kaedah untuk mendapatkan sumber data daripada pelbagai bentuk. Menurut Marican (2005) kaedah kualitatif sesuatu kajian yang memfokuskan kepada peristiwa yang berlaku seperti tingkah laku, pendapat dan lain-lain. Seterusnya, terdapat beberapa ciri-ciri kaedah kualitatif iaitu dari segi pengumpulan data. Pengumpulan data bagi kaedah kualitatif adalah berdasarkan pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Kaedah temu bual digunakan untuk menyempurnakan kajian ini. Selain itu, kaedah kualitatif ini data boleh dikumpul dalam bentuk penceritaan. Kaedah kuantitatif

pula merujuk kepada pendekatan yang berbentuk nombor dan angka. Kaedah kuantitatif digunakan bagi memperkukuhkan dapatan kajian. Kaedah kuantitatif juga digunakan untuk menjawab objektif yang berkait dengan faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang sambutan dan persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak.

3.3 Reka Bentuk Kajian: Kajian Kes

Reka bentuk kajian merujuk kepada kajian yang dilakukan secara terperinci , Marican (2005). Reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam mengumpul dan menganalisis data. Kajian kes merujuk kepada kajian yang terperinci dari segi komuniti, fenomena dan sebagainya. Menurut (Stake ,2010) salah satu rangka kerja utama kajian kualitatif adalah kajian kes bagi membantu pemerhatian dan penyelidikan kepada sesuatu peristiwa yang berlaku di persekitaran tertentu. Kaedah kajian kes membantu pengkaji untuk membuat penelitian yang tepat dan mentafsir data yang didapati untuk menjawab kepada objektif soalan.

Kajian kes mengenai kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak. Selain itu, kajian kes digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan.

3.4 Sumber Data

Terdapat dua bentuk data iaitu data primer dan data sekunder. Antara kaedah pengumpulan data yang dihasilkan dalam kajian persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak adalah seperti berikut;

3.4.1 Sumber Data Primer

Menurut Mohd Yusof et. al (n.d) data primer merupakan data asli yang dihasilkan daripada sumber kajian seperti data yang dikumpul dari kajian lapangan. Contohnya, temu bual, borang soal selidik, pemerhatian dan sebagainya. Data primer juga merujuk kepada data yang belum direkodkan dan didokumenkan dalam sesebuah

laporan lepas. Selain itu, pengumpulan data primer boleh dilakukan secara kumpulan berfokus atau individu. Terdapat dua jenis langkah untuk mendapatkan data primer. Antaranya adalah menemu bual informan secara langsung dan tidak langsung. Kajian ini persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak, melibatkan temu bual secara langsung dengan pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak.

3.4.2 Sumber Data Sekunder

Menurut Marican (2005) data sekunder merujuk kepada data yang dikumpul oleh kajian lain seperti buku, kajian lepas, majalah dan sebagainya. Pernyataan ini turut disokong oleh (Ajayi, 2017), beliau mengatakan bahawa data sekunder adalah data yang sedia ada dimana dilengkapkan oleh agensi dan pengkaji lain. Data-data yang dirujuk masih relevan dan sesuai untuk digunakan dalam kajian. Sumber sekunder berikut bagi memudahkan pengkaji mencari maklumat tambahan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Selain itu, data sekunder juga membantu pengkaji untuk mengukuhkan setiap fakta yang dikemukakan. Data sekunder yang dirujuk sangat penting dalam sesebuah kajian bagi mendapat formula baharu dan menyelesaikan masalah kajian. Sumber data sekunder adalah bagi memudahkan pengkaji mencari konsep muzium, peranan muzium, koleksi pameran, bentuk pameran dan lain-lain sama ada di dalam negara ataupun di luar negara.

3.5 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merujuk kepada cara untuk mengumpul data dan mendapat maklumat berdasarkan objektif kajian. Kajian mengenai persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak menggunakan beberapa kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat iaitu temu bual, tinjauan dan pemerhatian.

3.5.1 Temu Bual

Temu bual merujuk kepada komunikasi secara langsung dengan informan untuk mendapat maklumat dengan lebih mendalam. Merriam (1998) terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual bersstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur kerana semua soalan

yang digunakan fleksibel. Selain itu, temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan data tertentu sahaja. Oleh itu, temu bual ini melibatkan interaksi secara langsung dengan kurator Muzium Orang Asli Gombak bagi mendapatkan data-data berkaitan dengan Muzium Orang Asli Gombak. Melalui temu bual ini, pengkaji memperoleh maklumat seperti latar belakang muzium serta maklumat tambahan lain.

3.5.2 Pemerhatian

Pemerhatian merujuk kepada kajian yang dijalankan secara terperinci di kawasan lapangan bagi sesuatu interaksi, tingkah laku dan situasi. Oleh itu, tanpa pemerhatian, pengumpulan data tidak lengkap. Kajian hasil daripada pemerhatian ini didapati boleh membantu pengkaji memperoleh maklumat yang banyak dan mengukuhkan lagi maklumat kajian yang dijalankan (Suseela, 2001). Menurut Jasmi (2012) terdapat dua jenis pemerhatian iaitu pemerhatian melalui penglibatan (*participant-observation*) dan pemerhatian secara terus (*direct observation*). Pemerhatian penglibatan dalam bidang antropologi merujuk kepada kajian tentang kehidupan sesebuah masyarakat. Oleh itu, bagi kaedah pemerhatian penglibatan ini biasanya penyelidikan secara langsung melibatkan diri dengan masyarakat yang ingin dikaji bagi memahami dengan lebih mendalam masalah yang dihadapi. Menurut Jasmi (2012), pemerhatian secara terus melibatkan secara langsung seperti pengiraan bilangan pengunjung di sesebuah muzium. Kaedah pemerhatian secara terus biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia.

Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian digunakan untuk melihat realiti pengunjung yang melawat ke Muzium Orang Asli Gombak. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian bagi mendapat maklumat atau data yang lebih telus daripada pengunjung. Sesi pemerhatian kajian dilakukan semasa mengadakan temu bual dan sesi mengedarkan borang soal selidik di kawasan Muzium Orang Asli Gombak.

3.5.3 Tinjauan

Tinjauan atau survei merujuk kepada kaedah yang selalu digunakan oleh pengkaji lain bagi mengumpul data kajian. Kajian tinjauan atau survei digunakan bagi menjawab objektif pertama dan kedua iaitu faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli kurang mendapat sambutan dan persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli

Gombak. Instrumen yang digunakan dalam kaedah tinjauan adalah borang soal selidik. Oleh itu, antara soalan yang diutarakan untuk menjawab objektif mengenai persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak adalah seperti berikut; persepsi pengunjung terhadap pameran, perkhidmatan, lokasi, kemudahan dan lain-lain. Borang soal selidik berkaitan dengan kajian persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak menggunakan skala likert lima mata yang terdiri daripada sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, setuju dan sangat setuju. Oleh itu, terdapat pelbagai kaedah yang digunakan dalam mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Antaranya adalah, mengedarkan borang soal selidik dalam kumpulan whatsapp dan meminta bantuan dari pihak Muzium untuk mempamerkan “*Qr Code*” borang soal selidik di kaunter kemasukan muzium.

3.6 Persampelan Kajian

Persampelan kajian merupakan kaedah yang sangat penting dalam kajian. Hal ini kerana, melalui persampelan kajian ini pengkaji dapat mengumpul data yang dijawab oleh responden. Persampelan kajian ini menggunakan satu bahagian populasi sebagai sampel yang mempunyai keupayaan untuk menggambarkan populasi secara keseluruhan.

3.6.1 Persampelan Kajian: Kaedah Kuantitatif

Strategi persampelan kajian ini adalah berbentuk kaedah persampelan bukan kebarangkalian (non-probability). Pengkaji menggunakan persampelan ini kerana pengkaji akan memilih responden yang dianggap sesuai mengambil bahagian dalam kajian ini. Kajian ini juga menggunakan persampelan bola salji (*snowball sampling*). Persampelan bola salji (*snowball sampling*) digunakan kerana sukar mendapatkan Informan yang sesuai dengan kajian ini. Teknik pensampelan bola salji (*snowball sampling*) membantu pengkaji untuk mendapatkan lebih banyak informan kajian (Rozmi Ismail, 2013). Seterusnya, teknik pensampelan ini juga digunakan untuk menjimatkan masa untuk mengedarkan borang soal selidik satu per satu kepada responden. Pensampelan bola salji digunakan untuk menjawab objektif kedua iaitu berkaitan dengan persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak.

3.6.2 Persampelan Kajian: Kaedah Kualitatif

Teknik pensampelan yang digunakan bagi mendapat kaedah kualitatif adalah teknik pensampelan bertujuan. Teknik persampelan bertujuan merupakan kaedah yang sesuai digunakan kerana pemilihan informan terdiri daripada individu yang mempunyai ciri yang spesifik terutamanya individu yang boleh membantu dalam kajian yang dijalankan. Di dalam kajian ini, informan dipilih berdasarkan kriteria mereka yang berpengalaman dan tahu mengetahui pengurusan Muzium Orang Asli Gombak. Justeru, informan yang dipilih adalah pegawai yang bertugas di Muzium Orang Asli Gombak.

3.7 Informan Kajian

Jadual 3.1: Informan Temu Bual

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Kod	Jawatan	Anggaran bekerja di Muzium Orang Asli Gombak
Informan 1	Ketua Muzium	20 Tahun
Informan 2	Staf Muzium	15 Tahun
Informan 3	Staf Muzium	15 Tahun
Informan 4	Staf Muzium	10 Tahun

Jadual 3.1 menunjukkan empat orang Informan yang bekerja di Muzium Orang Asli Gombak dan dipilih untuk mengumpul data berkaitan dengan kajian ini. Antaranya adalah terdiri daripada ketua muzium dan tiga orang staf muzium yang menjalankan tugas yang sama. Hal ini kerana, Muzium Orang Asli Gombak mengalami kekurangan staf.

3.8 Analisis Data

Data berasaskan teks yang tidak berstruktur diperoleh melalui analisis kualitatif seperti transkrip temu bual, nota pemerhatian atau catatan diari yang boleh didapati dalam data

teks ini. Analisis tematik digunakan untuk analisis data kualitatif dalam kajian ini. Selain itu, borang soal selidik yang telah dijawab dikaji melalui analisis deskriptif.

3.8.1 Analisis kajian Kualitatif: Analisis Tematik

Analisis tematik adalah teknik menganalisis yang melibatkan pembacaan set data untuk mencari tema melalui pola makna. Analisis tematik digunakan dalam kajian ini untuk membiasakan diri dengan data, menjanan kod permulaan, mencari tema dan sebagainya. Analisis tematik, menurut Braun & Clarke (2006), ialah proses untuk mengenal pasti topik yang terkandung dalam data kualitatif kajian pengkaji. Braun dan Clarke (2006) berpendapat bahawa pengkaji harus memulakan penyelidikan mereka dengan analisis tematik kerana ia memberikan kemahiran asas yang berguna untuk menjalankan pelbagai penyelidikan. Rakaman suara akan dimainkan semula untuk mendapatkan data daripada temu bual untuk dikaji, diproses dan ditranskripsikan. Analisis ini akan dijelaskan secara terperinci melalui analisis tematik.

2

Jadual 3.2: Transkrip Temu bual pengkaji
(Sumber: Kajian Lapangan)

TRANSKRIP TEMU BUAL

Nama: Irra ileya a/p Aibas
Tarikh: 23/8/2024
Masa: 10.15. am

Transkrip Bualan Kod Tema

	Kod	Tema
A Selamat pagi dan salam sejahtera puan, sebelum kita mulakan sesi temu bual pada pagi ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada puan sudi meluangkan masa bersama saya untuk sesi temu bual pagi ini. Sebelum kita mulakan sesi temu bual, saya mohon maaf ya puan ada sedikit soalan bukan kaitan dengan muzium. Adakah puan daripada masyarakat Orang Asli?		
B Selamat pagi Marina ya saya Orang Asli dari suku kaum Semai. Marina Orang Asli juga ke? Orang Asli mana?	Orang Asli	Latar belakang
A Ouhhh sama la kita puan, saya juga dari suku kaum Semai. Ouhhh, berapa lama puan bekerja di bawah Muzium Orang Asli?		
B Lama juga la dalam 4 tahun macam tu saya bekerja di Muzium ni.	pengalaman	Latar belakang
A Ouhh, Okay puan sepanjang puan bekerja disini apakah strategik promosi yang digunakan oleh pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak untuk menarik pengunjung?		
B Okay, strategik promosi yang digunakan oleh pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak kami sepenuhnya menggunakan media sosial seperti facebook dan pihak kami juga membuat atau mengeluarkan pameran di luar. Contohnya mengadakan pameran di program tertentu yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Warisan Negara, NGO, dan lain. Melalui kerjasama ini kami pihak muzium dapat sambutan dari pengunjung. Sebab program yang kami join adalah program yang dilaksanakan secara besar-besaran yang memang mendapat sambutan ramai daripada masyarakat pelbagai bangsa tak kira Melayu, Cina, India dan juga bangsa Orang Asli itu sendiri.	Media sosial Pameran JWN, NGO	Strategi promosi Kerjasama
A Ohh, Jadi berbalik kepada jawapan puan dengan menggunakan promosi strategik ini mampu meningkat atau menarik minat pengunjung untuk datang ke muzium?		
B Ya. Melalui pameran luar atau kami membawa pameran ke luar ini adalah salah satu strategi promosi yang mencapai misi kami untuk menarik minat pengunjung datang ke muzium. Saya berkata demikian kerana, hasil pameran yang kami bawa pada bulan september di UPM kami mendapat kunjungan seramai 150 pelajar dari UPM. Selain kami membawa pameran ke luar kami juga sentiasa update segala aktiviti yang dilakukan di luar ke media sosial seperti facebook. Seperti yang saya cakap tadi Facebook merupakan media sosial yang aktif kami update segala aktiviti yang kami laksanakan.	Pameran Promosi ke universiti Contoh pameran Update aktiviti Media sosial	Strategi promosi Strategik promosi

Transkrip merujuk kepada salinan bertulis atau bertaip yang dihasilkan daripada bahan yang dirakam (Fahy, 2001). Jadual 3.2 di atas menunjukkan proses yang digunakan oleh pengkaji untuk mencari kod dan tema hasil daripada rakaman audio temu bual bersama staf muzium. Pengkaji menggunakan telefon pintar untuk merekod sesi temu bual bersama Informan. Pengekodan merujuk kepada proses menyediakan perkataan kod, atau frasa untuk mengenal pasti subjek atau masalah dan menyusun data dengan cara yang sesuai untuk analisis seterusnya.

3.8.2 Analisis kajian Kuantitatif: Analisis Deskriptif

Jadual 3.3: Analisis Deskriptif menggunakan *Microsoft Excel*

(Sumber: Kajian Lapangan)

	C	D	E	F	G	H	I	J	K
	Adakah anda mengetahui mengenai Muzium Orang Asli Gombak?								
1	huh mengenai	Pernakah anda mengunjungi Muz	Umur	Jantina	Tahap Pendidikan	Pekerjaan	Faktor yang menyebabkan Muzium	Faktor yang menyebabkan Muzium	Faktor yang menyebabkan Muzium
2	Pemah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Sendiri	Setuju	Sangat Tidak Setuju	Sangat Setuju	Tidak Setuju
3	Pemah	20-29	Lelaki	Ijazah Sarjana M	Sendiri	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Setuju	Tidak Setuju
4	Pemah	20-29	Lelaki	SPM	Awam	Sangat Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju
5	Pemah	20-29	Perempuan	SPM	Tidak Bekerja	Neutral	Neutral	Neutral	Neutral
6	Tidak pernah	20-29	Lelaki	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
7	Pemah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Swasta	Sangat Setuju	Neutral	Setuju	Neutral
8	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
9	Pemah	40-49	Lelaki	Diploma	Sendiri	Neutral	Neutral	Neutral	Neutral
10	Tidak pernah	40-49	Lelaki	SPM	Sendiri	Neutral	Neutral	Neutral	Neutral
11	Pemah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Setuju	Setuju	Setuju	Tidak Setuju
12	Tidak pernah	40-49	Lelaki	SPM	Sendiri	Sangat Setuju	Sangat Setuju	Setuju	Setuju
13	Pemah	20-29	Perempuan	Diploma	Swasta	Neutral	Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Setuju
14	Pemah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
15	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Neutral	Setuju	Setuju	Neutral
16	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Setuju	Neutral	Sangat Setuju	Sangat Setuju
17	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju	Setuju
18	Pemah	20-29	Lelaki	SPM	Awam	Neutral	Neutral	Neutral	Neutral
19	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Sangat Setuju	Neutral	Neutral	Setuju
20	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Setuju	Neutral	Neutral	Tidak Setuju
21	Pemah	20-29	Perempuan	STPM	Tidak Bekerja	Sangat Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju
22	Pemah	40-49	Perempuan	Diploma	Awam	Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Tidak Setuju
23	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Sangat Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju
24	Pemah	30-39	Lelaki	Diploma	Swasta	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
25	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Sangat Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Neutral
26	Pemah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Sangat Setuju	Sangat Tidak Setuju	Sangat Setuju	Sangat Tidak Se
27	Pemah	20-29	Perempuan	Diploma	Masih Belajar	Tidak Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
28	Pemah	19 tahun ke baw	Perempuan	SPM	Masih Belajar	Sangat Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju
29	Pemah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Sangat Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju	Sangat Setuju
30	Tidak pernah	20-29	Perempuan	Ijazah Sarjana M	Masih Belajar	Neutral	Neutral	Neutral	Neutral
31	Pemah	20-29	Lelaki	SPM	Awam	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju

Analisis deskriptif adalah satu kaedah analisis data yang digunakan bagi menggunakan data yang diperolehi daripada kaedah penyelidikan yang berbentuk kuantitatif. Melalui analisis deskriptif akan menggunakan perisian yang berbentuk nombor (Jadual 3.3). Analisis ini juga akan melibatkan pengiraan mean, median dan mod. Analisis ini digunakan dalam kajian persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak bagi mendapatkan data *mean*, *purata* dan *median* hasil daripada borang soal selidik skala likert lima mata.

3.9 Kesimpulan

Kesimpulannya bab tiga menerangkan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian. Dalam bab tiga ini memperinci tentang pendekatan, bentuk kajian, kaedah kajian, analisis data yang digunakan untuk memperoleh data. Bahagian bab tiga ini merupakan bahagian yang paling penting kerana semua kaedah, pendekatan yang digunakan merupakan panduan kepada pengkaji untuk mengumpul data.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang dijalankan di Muzium Orang Asli Gombak untuk mengkaji persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak. Dalam bab ini terdapat tiga belas tema utama telah dikeluarkan daripada data kualitatif dan kuantitatif. Tema-tema tersebut antaranya demografi responden, jenis pengunjung, faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan, masalah yang dihadapi oleh pihak muzium, koleksi dan pameran muzium, aktiviti muzium, persepsi pengunjung terhadap muzium, fasiliti muzium, tindakan pihak pengurusan untuk memperbaiki pengalaman pengunjung, langkah untuk memastikan pameran dan koleksi relevan, langkah untuk menarik pengunjung, strategi promosi dan akhir sekali kerjasama Muzium Orang Asli Gombak dengan pihak berkepentingan.

4.2 Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur, tahap pendidikan dan pekerjaan. Kesemua maklumat responden yang didapati daripada kajian survei atau tinjauan adalah seperti berikut.

4.2.1 Jantina Responden

Jadual 4.1: Jantina Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Jantina	Kategori	Kekerapan	Peratus
	Perempuan	85	53%
	Lelaki	75	47%
Jumlah Keseluruhan		160	100%

Berdasarkan Jadual 4.1 jumlah keseluruhan responden adalah seramai 160 orang (100%) yang terdiri daripada 54% responden perempuan iaitu seramai 85 orang dan selebihnya 47% responden lelaki iaitu seramai 75 orang. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki.

4.2.2 Umur Responden

Jadual 4.2: Umur Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Umur	Kekerapan	Peratus
19 tahun ke bawah	33	21%
20-29	80	50%
30-39	31	19%
40-49	11	7%
50 tahun ke atas	5	3%
Jumlah Keseluruhan	160	100%

Berdasarkan Jadual 4.2 terdapat lima kategori peringkat umur yang dinyatakan di dalam borang soal selidik iaitu 19 tahun ke bawah, 20-29, 30-39, 40-49, dan 50 tahun ke atas. Sebanyak 80 (50%) responden berumur 20-29 tahun dan seramai 33 (21%) responden berumur 19 tahun ke bawah. Selain itu, 31 (19%) responden berumur di antara 30-39 tahun dan 11 (7%) orang responden pula terdiri daripada golongan yang berumur 40-49 tahun. Akhir sekali, hanya 5 (3%) orang responden yang berumur 50

tahun ke atas. Oleh itu, pengunjung yang berumur di antara 20-29 tahun berbanding golongan berumur 50 tahun ke atas. Hal ini adalah kerana, berdasarkan hasil tinjauan dan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa golongan berumur 20-an kebanyakannya terdiri daripada pelajar yang menjalankan kajian berkaitan dengan masyarakat Orang Asli.

4.2.3 Tahap Pendidikan Responden

Jadual 4.3: Tahap pendidikan Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratus
SPM	51	31%
STPM	30	19%
Diploma	35	22%
Ijazah Sarjana Muda	39	24%
Sarjana	4	3%
Doktor Falsafah	1	1%
Jumlah Keseluruhan	160	100%

Berdasarkan Jadual 4.3 terdapat enam jenis tahap pendidikan telah dikenal pasti di kalangan responden yang menjawab borang tinjauan ini. Majoriti responden yang mengunjungi ke Muzium Orang Asli Gombak mempunyai pendidikan di peringkat SPM iaitu seramai 51 (31%) orang dan diikuti kedua tertinggi adalah Ijazah Sarjana Muda yang mencecah seramai 39 (24%) orang responden. Selain itu, responden yang mempunyai pendidikan tahap Diploma adalah seramai 35 (22%) orang, manakala STPM pula adalah seramai 30 (19%) orang. Akhir sekali, responden yang mempunyai tahap adalah pendidikan Sarjana seramai empat (3%) orang, manakala Doktor Falsafah pula satu (1%) orang. Kesimpulannya, kebanyakan responden adalah dari kalangan pelajar SPM. Hal ini kerana responden-responden tersebut adalah di kalangan pelajar sekolah yang mengikut lawatan sambil belajar.

4.2.4 Pekerjaan Responden

Jadual 4.4: Pekerjaan Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Pelajar	55	34%
Awam	44	28%
Swasta	29	18%
Sendiri	22	14%
Tidak bekerja	10	6%
Jumlah Keseluruhan	160	100%

Lima jenis pilihan pekerjaan responden telah dikeluarkan di dalam borang tinjauan seperti di dalam Jadual 4.4 iaitu pelajar yang masih belajar, sektor awam, sektor swasta, bekerja sendiri dan tidak bekerja. Bilangan responden tertinggi adalah dari kalangan pelajar iaitu seramai 55 orang (34%) dan diikuti dengan pekerja dalam sektor awam seramai 44 orang (28%). Responden yang bekerja dalam sektor swasta adalah seramai 29 orang (18%) dan responden dari golongan bekerja sendiri adalah seramai 22 orang (14%). Akhir sekali, hanya 10 orang (6%) sahaja yang tidak bekerja.

Berdasarkan jadual di atas, bilangan responden yang masih belajar adalah lebih ramai. Hal ini kerana, muzium memainkan peranan sebagai tempat atau sumber rujukan bagi semua lapisan masyarakat. Menurut Kechot et.al (2010), menyatakan bahawa muzium berperanan menyampaikan maklumat kepada pengunjung dengan pelbagai kaedah seperti aktiviti pameran dan koleksi yang dipamerkan oleh muzium. Pernyataan ini turut disokong daripada Informan 1 yang menyatakan bahawa pengunjung Muzium Orang Asli Gombak adalah dari kalangan pelajar. Pernyataan tersebut adalah seperti berikut:

...saya berkata demikian kerana, hasil pameran yang kami bawa pada bulan september di UPM kami mendapat kunjung seramai 150 pelajar UPM. (Informan 1, Temu Bual, 23 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan daripada Informan 1, jelaslah bahawa pameran merupakan salah satu kekuatan bagi muzium untuk menarik pengunjung. Hal ini dikatakan

demikian kerana, teknik pameran yang menarik mampu mempengaruhi jumlah kehadiran pengunjung.

4.3 Jenis Pengunjung

Jenis pengunjung yang datang ke muzium merujuk kepada kategori atau kumpulan yang boleh diklasifikasikan berdasarkan demografi seperti jantina, umur, latar belakang pendidikan dan sebagainya. Terdapat pelbagai jenis pengunjung yang datang ke Muzium Orang Asli Gombak seperti pelajar, golongan tua, kanak-kanak dan lain-lain. Selain itu, jenis pengunjung bukan sahaja dilihat dalam negara malah dari luar negara. Hal ini mungkin disebabkan tujuan pendidikan, pelancongan dan lain-lain. Oleh itu, Muzium Orang Asli Gombak bukan sahaja mendapat sambutan dari pengunjung tempatan malah pengunjung antarabangsa. Pernyataan ini didukung oleh Informan 4. Beliau menyatakan bahawa;

...Muzium Orang Asli Gombak juga pernah mendapat kunjungan dari pengunjung luar negara bukan tempatan sahaja. Kita boleh dapat kunjungan dari pengunjung luar adalah hasil dari aktiviti kita bawa keluar seperti karnival kebudayaan dan aktiviti lain juga... (Informan 4 Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan di atas, menunjukkan bahawa Muzium Orang Asli Gombak juga pernah mendapat kunjungan dari pengunjung luar negara. Hal ini kerana, Muzium Orang Asli Gombak memaparkan budaya dan tradisi Orang Asli, termasuk seni bina rumah tradisional, pakaian, alat muzik, peralatan harian, dan seni kraf tangan. Oleh itu, pelancong luar negara berpeluang untuk memahami warisan masyarakat Orang Asli Malaysia yang unik.

4.4 Faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan.

Kajian ini menggunakan skala likert lima mata dengan skala berikut sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), Neutral (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Analisis dan interpretasi data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (mean) yang dicadangkan oleh Pimentel (2010) iaitu, 1.00 – 1.79 (sangat tidak setuju), 1.80 – 2.59 (tidak setuju), 2.60 – 3.39 (tidak pasti), 3.40 – 4.19 (setuju) dan 4.20 – 5.0 (sangat setuju). Bahagian ini membincangkan faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapatkan sambutan.

Jadual 4.5: Faktor yang Menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapatkan sambutan.

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Bil	Faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan	purata	Sisihan piawaian
1	Kurang promosi (Nashuriddin, 2012)	4.15	0.88
2	Tiada pengangkutan awam ke muzium (Dris, 2015)	3.85	0.84
3	Penularan penggunaan muzium digital (Hung et al.,2013)	3.74	0.88
4	Sikap atau peranan “guard tour” yang tidak bagus (Saputra et al., 2022)	3.71	0.90
5	Koleksi pameran kurang menarik (Yuliasari dan Sari, 2020)	3.68	0.91
6	Maklumat yang dipamerkan di ruang pameran kurang jelas (Nurdin dan Baco, 2024)	3.68	0.89
7	Pernah mempunyai pengalaman pahit ketika berkunjung ke muzium (Crane, 1997)	3.53	0.97
8	Suasana pameran yang tidak menarik (Jeong dan Lee, 2006)	3.53	0.92

Jadual 4.5 menunjukkan faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan. Terdapat lapan faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan berdasarkan borang tinjauan yang diedarkan. Responden setuju bahawa kurang promosi adalah faktor menyebabkan

Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan iaitu dengan skor purata sebanyak 4.15 (SD 0.88). Kerana, Muzium Orang Asli Gombak mengalami masalah kekurangan dana untuk mempromosikan muzium secara meluas. Pernyataan kekurangan dana turut dinyatakan oleh Nashuriddin (2012), di mana kekurangan kos boleh menjejaskan aktiviti promosi. Oleh itu, muzium mengendalikan promosi berdasarkan dana atau program yang dianjurkan. Contohnya, Muzium Orang Asli Gombak akan mengadakan promosi apabila mendapat jemputan daripada agensi luar. Pernyataan ini turut disokong oleh Informan 1.

...kami pihak muzium akan mengeluarkan pameran luar atau membuat promosi di luar muzium secara besar-besaran apabila mendapat jemputan dari pihak berkepentingan. Contohnya, pihak Jabatan Warisan Negara baru-baru ni di Putrajaya... (Informan 1, Temu Bual 28 Ogos 2024)

Selain itu, responden juga bersetuju bahawa Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan kerana tiada pengangkutan awam ke muzium dengan skor purata sebanyak 3.85 (SD 0.84). Pernyataan ini dapat didukung dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh Informan 4, di mana

...pengangkutan awam ni ye dulu memang tidak ada pengangkutan awam yang disediakan mungkin disebabkan faktor lokasi kedudukan muzium ni lah. Tapi sekarang pengangkutan awam ada disediakan iaitu RapidKl tapi tu pun tak semua masyarakat di luar sana tau akan kewujudan pengangkutan awam ni... (Informan 4, Temu Bual 28 Ogos 2024).

Seterusnya, responden bersetuju bahawa faktor penularan penggunaan muzium digital adalah faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan dengan skor purata 3.74 (SD 0.88). Memandangkan muzium digital menggunakan imej digital, video, audio, dan interaktif media, (Hung, 2013).

Seterusnya responden bersetuju bahawa sikap atau peranan “guard tour” yang tidak bagus juga memberi impak kepada kedatangan pengunjung dengan skor purata 3.71 (SD 0.90). Menurut Saputra et al. (2022), “guard tour” merupakan individu yang menawarkan memori yang berharga kepada para pengunjung dari segi layanan, sambutan yang ramah dan sebagainya. Selain itu, pengunjung yang datang ke muzium juga bertujuan untuk mendapatkan ilmu. Oleh itu, *guard tour* merupakan individu atau

sekumpulan orang yang berperanan memberikan dan menyampaikan penyampaian maklumat yang mudah difahami.

Di samping itu, faktor koleksi pameran yang kurang menarik juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kehadiran pengunjung. Responden bersetuju dengan faktor ini dengan skor purata 3.68 (SD 0.91). Menurut Jeong dan Lee (2006), faktor terbesar yang mempengaruhi kepuasan pengunjung ke muzium adalah suasana pameran. Kerana pengunjung yang berkunjung ke muzium ingin mempelajari sejarah, adat resam, budaya dan warisan sesebuah masyarakat. Oleh sebab itu, pameran adalah sumber rujukan pengunjung untuk mendapatkan ilmu dengan lebih mudah dan ringkas.

Responden juga bersetuju dengan maklumat maklumat yang dipamerkan di ruang pameran kurang jelas sebagai salah satu faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan dengan skor purata 3.68 (SD 0.89). Hal ini kerana, pameran adalah tempat untuk pengunjung membuat rujukan. Oleh itu, apabila maklumat yang dipamerkan tidak jelas, pengunjung sukar untuk memahami kandungan dan konteks pameran dan seterusnya menyebabkan pengunjung hilang minat terhadap pameran di muzium.

Seterusnya, responden juga bersetuju bahawa faktor yang menyumbang kepada kekurangan kedatangan pengunjung adalah disebabkan mempunyai pengalaman pahit ketika berkunjung ke muzium dengan skor purata 3.53 (SD 0.97). Menurut Ferdian, (2023) muzium memainkan peranan dalam memberi pengalaman yang berharga kepada pengunjung. Hal ini kerana, pengunjung yang datang ke muzium bertujuan untuk mendapatkan ilmu. Oleh itu, sekiranya layanan yang diberikan kepada pengunjung tidak memuaskan, pengunjung berkemungkinan tidak berminat untuk datang kembali ke muzium. Akhir sekali, responden bersetuju bahawa suasana pameran yang tidak menarik menyebabkan pengunjung tidak berkunjung ke muzium dengan skor purata 3.53 (SD 0.92). Hal ini kerana, reka bentuk pameran muzium yang ketinggalan zaman boleh menyebabkan pengunjung tidak berminat untuk mendapatkan maklumat. Contohnya, pameran yang menggunakan banyak tulisan juga membosankan pengunjung untuk membaca. Pernyataan ini turut disokong oleh Informan 1. Beliau berkata demikian;

...setelah membuat kajian kaedah pemaren dalam Muzium Orang Asli ni banyak menggunakan tulisan, so macam kita tau masyarakat pada masa kini tidak suka membaca lagi-lagi apabila melibatkan sesuatu sejarah, mereka lebih kepada point dan gambar... (Informan 1, Temu Bual 28 Ogos 2024).

4.5 Masalah Yang Dihadapi Oleh Pihak Muzium

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak Muzium Orang Asli Gombak seperti kurang penghawa dingin dan tiada staf yang ditempatkan di kaunter pertanyaan. Pernyataan masalah di atas adalah hasil daripada temu bual bersama staf Muzium Orang Asli Gombak pada 28 Ogos 2024. Masalah ketiadaan staf dan penghawa dingin adalah disebabkan Muzium Orang Asli Gombak tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Oleh itu, kekurangan peruntukan menyebabkan muzium sukar untuk menambah staf dan memperbaiki penghawa dingin. Seterusnya, tidak dinafikan juga bahawa masalah ini sering dimaklumkan oleh pengunjung yang melawat ke Muzium Orang Asli Gombak. Pernyataan ni turut disokong oleh Informan 1 seperti

...aduan atau maklum balas yang kerap kami dapat dari pengunjung adalah berkaitan aircond, seperti yang marina perasan kan dalam Muzium Orang Asli Gombak agak panas sedikit disebabkan kekurangan penghawa dingin... (Informan 1, Temu Bual 28 Ogos)

Oleh itu, ketiadaan staf yang menjaga di kaunter juga merupakan masalah yang seringkali diadu oleh pengunjung. Informan 3 turut menyokong pernyataan ini.

...masalah tiada staf yang menjaga kaunter pertanyaan. Untuk masalah tiada staf yang menjaga kaunter pertanyaan ni disebabkan kami kekurangan staf... (Informan 3, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan ini, tidak dinafikan bahawa muzium kecil seperti Muzium Orang Asli Gombak ini sering mengalami masalah dari segi peruntukan kerana muzium di Malaysia terpaksa bersaing dengan muzium yang lebih besar seperti Muzium Negara dengan sering menerima pengunjung yang lebih besar. Oleh itu, peruntukan yang

diberikan kepada muzium yang lebih kecil adalah lebih sedikit berbanding muzium yang besar.

4.6 Koleksi Pameran

Koleksi merujuk kepada artifak yang dipamerkan oleh Muzium Orang Asli Gombak sama ada pameran dalam muzium ataupun luar muzium. Muzium Orang Asli Gombak banyak melakukan pameran di luar muzium bagi menarik minat pengunjung untuk datang ke muzium. Hal ini kerana, hasil dari pameran luar mampu menarik lebih ramai pengunjung untuk mengetahui tentang masyarakat Orang Asli. Pernyataan ini turut dinyatakan oleh Informan 1.

... Melalui pameran luar atau kami membawa pameran ke luar ini adalah salah satu strategi promosi yang mencapai misi kami untuk menarik minat pengunjung datang ke muzium. Saya berkata demikian kerana, hasil pameran yang kami bawa pada bulan september di UPM kami mendapat kunjung seramai 150 pelajar dari UPM... (Informan 1 Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Antara koleksi pameran yang selalu dibawa keluar semasa pameran luar seperti topeng Mah Meri. Hal ini kerana, setiap koleksi pameran Mah Meri yang dilaksanakan di luar muzium, sentiasa menjadi perhatian pengunjung untuk mengetahui mengenai masyarakat dengan lebih lanjut. Informan 1 turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan,

...Contohnya, apabila kami mengadakan pameran di luar muzium akan membawa koleksi atau artifak topeng bersama pameran. Ini disebabkan setiap kali kami mengadakan pameran luar ramai pengunjung selalu akan bertanya tentang topeng... (Informan 1, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan di atas, pengunjung berminat dengan kehalusan seni ukiran topeng muka Mah Meri. Hal ini kerana, topeng muka Mah Meri diukir dengan teliti menggunakan kayu berkualiti tinggi seperti kayu jati. Oleh itu, setiap ukiran topeng muka yang dihasilkan mempunyai makna yang berbeza hasil ilham dari mimpi.

Seterusnya, terdapat juga koleksi artifak lain selain koleksi topeng Mah Meri di Muzium Orang Asli Gombak ini. Antara koleksi artifak lain yang terdapat di muzium

ini adalah peralatan memburu, rumah tradisional masyarakat Orang Asli, pakaian tradisional, kraftangan dan lain-lain. Kesemua artifak ini dijadikan sebagai pameran tetap di dalam muzium. Muzium juga sukar untuk mendapat stok atau koleksi baharu jika artifak mengalami kerosakan. Oleh itu, pihak Muzium Orang Asli Gombak menjadikan koleksi seperti kraftangan, peralatan memburu dan lain-lain sebagai pameran tetap untuk terus mengelakkan artifak dari kerosakan. Informan 3, menyatakan;

...untuk mendapatkan stok atau koleksi baharu kami terpaksa mengeluarkan kos yang banyak untuk dapat stok baharu, contohnya macam kraftangan pada masa kini ramai je masyarakat Orang Asli yang buat pasal kraftangan, tapi tu la harga satu barang mencecah satu seribu. Kita punya paham juga kan benda macam tu bukan senang untuk dibuat... (Informan 3, Temu Bual 28 Ogos 2024).

Di samping itu, artifak lain yang dipamerkan dalam Muzium Orang Asli Gombak adalah seperti rumah moyang. Rumah moyang jadikan sebagai pameran tetap dalam muzium kerana rumah moyang bukan sekadar rumah biasa tetapi ia mempunyai pantang larang yang perlu dipatuhi. Hal ini kerana, rumah moyang melibatkan bacaan mahtera oleh tok bomoh. Selain itu, rumah moyang juga mempunyai simbolik dan keagamaan untuk masyarakat Mah Meri. Oleh itu, muzium menjadikan rumah moyang sebagai pameran tetap di muzium untuk rujukan generasi muda akan datang. Hal ini kerana, jenis koleksi seperti rumah moyang tidak sesuai untuk dibawa ke hulu ke hilir dan mempunyai banyak maklumat yang perlu dipamerkan. Selain itu, koleksi artifak yang melibatkan keagamaan dan kepercayaan dipamerkan di dalam muzium sahaja. Pernyataan ini turut disokong oleh Informan 4, di mana beliau berkata;

...koleksi berkaitan dengan agama atau upacara kami akan pameran di dalam muzium sahaja bagi mengelakkan daripada berlaku perselisihan faham. Satu lagi koleksi seperti ini sesuai di pameran di dalam muzium sahaja... (Informan 4, Temu Bual 28 Ogos 2024)

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa tidak semua koleksi artifak boleh dibawa keluar dari muzium. Hal ini kerana, separuh artifak hanya sesuai dipamerkan di muzium sahaja. Contohnya, rumah moyang hanya diletakkan di satu tempat sahaja untuk mengelakkan daripada kerosakan.

Muzium Orang Asli Gombak juga mempamerkan koleksi tentang adat perkahwinan masyarakat Orang Asli dan cara perubatan. Koleksi pameran di muzium ini cukup untuk dibuatkan sebagai bahan rujukan pelajaran. Hal ini demikian kerana, walaupun keluasan muzium ini tidak sama seperti muzium yang lain, namun koleksi pamerannya mencukupi untuk membantu masyarakat sebagai bahan rujukan.

4.7 Aktiviti Muzium

Aktiviti merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan untuk menarik minat pengunjung. Oleh itu, Muzium Orang Asli Gombak telah melaksanakan pelbagai aktiviti untuk menarik minat pengunjung ke muzium. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam seperti mengadakan masakan makanan tradisional masyarakat Orang Asli, kebudayaan dan warisan tarian, memburu, perkahwinan dan karnival. Pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium adalah untuk memberi pengalaman kepada pengunjung. Melalui aktiviti yang dijalankan pengunjung dapat melibatkan diri secara langsung dalam setiap aktiviti yang disediakan. Pelaksanaan aktiviti ini juga merupakan salah satu strategi pihak muzium untuk menggalakkan masyarakat menyertai setiap program yang diadakan. Informan 4 menyatakan:

...Melalui aktiviti dan program juga salah satu strategi untuk kami mempromosikan tentang kewujudan Muzium Orang Asli dan masyarakat Orang Asli. Contoh aktiviti yang kita adakan untuk menarik minat pengunjung adalah aktiviti kebudayaan masyarakat Orang Asli seperti sewang... (Informan 4, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Seterusnya, aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium telah menarik minat pengunjung untuk mempelajari dengan lebih mendalam tentang cara hidup masyarakat Orang Asli. Selain itu, secara tidak langsung ia dapat menarik minat pengunjung sama ada tempatan atau luar negara. Informan 2 turut menyatakan bahawa,

...Jadi melalui aktiviti atau program yang dilaksanakan ini ia dapat membuka lagi peluang kepada masyarakat di luar sana untuk mengetahui kehidupan masyarakat Orang Asli. Jadi sebabkan program atau aktiviti begini dapat menyebarkan maklumat kepada orang ramai bukan sahaja kepada pengunjung

tempatan tetapi ia juga dapat menarik minat pelancong luar... (Informan 2 Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan di atas, setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak Muzium Orang Asli Gombak mendapat sambutan dari pengunjung, sama ada pengunjung luar dan pengunjung antarabangsa. Hal ini kerana, aktiviti adalah salah satu strategi yang tidak membosankan kepada pengunjung seperti tarian sewang. Pengunjung juga boleh melibatkan diri secara langsung untuk menyertai tarian sewang.

4.8 Persepsi Pengunjung Terhadap Muzium

Kajian ini menggunakan skala likert lima mata dengan skala sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), Neutral (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Analisis dan interpretasi data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (*mean*) yang dicadangkan oleh Pimentel (2010) iaitu: 1.00 – 1.79 (sangat tidak setuju), 1.80 – 2.59 (tidak setuju), 2.60 – 3.39 (tidak pasti), 3.40 – 4.19 (setuju) dan 4.20 – 5.0 (sangat setuju). Bahagian ini membincangkan persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak di Aras 1: Aras ini mengandungi latar belakang Orang Asli, pengangkutan, adat perkahwinan, sewang, kematian, alat muzik, ukiran patung dan topeng, permainan tradisional, perumahan, perubatan dan kepercayaan, pantang larang, peranan jampi, peranan Tok Batin serta peranan dan tanggungjawab kerajaan terhadap Orang Asli.

4.8.1 Persepsi Pengunjung Terhadap Muzium Orang Asli Gombak Di Aras 1

Jadual 4.6: Persepsi Pengunjung Terhadap Muzium Orang Asli Gombak di Aras 1

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Bil	Persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak di Aras 1	purata	Sisihan piawaian
1	(Koleksi Pameran) Artifak dan objek yang dipamerkan sangat relevan dengan tema pameran.	3.92	0.90

2	(Pencahayaannya) Pencahayaannya yang digunakan terhadap artifak (Accent Lighting) dapat menyerlahkan kepentingannya.	3.74	0.82
3	(Koleksi Pameran) Tempat menyimpan artifak (display cases) sesuai dengan ruang yang digunakan.	3.70	0.82
4	(Label) Bahasa yang digunakan dapat membantu pengunjung memahami artifak yang dipamerkan.	3.70	0.76
5	(Pencahayaannya) Pencahayaannya umum (General illumination) yang digunakan memberi keselesaan kepada pengunjung.	3.70	0.85
6	(Keselamatan)Laluan yang digunakan oleh pengunjung ditunda dengan baik.	3.70	0.78
7	(Aliran dan Arah) Aliran dan arah dalam memandu pengunjung ke ruang pameran dapat dilihat dengan jelas.	3.69	0.83
8	(Aliran dan Arah) Ruang yang terdapat di muzium digunakan secara maksimum dan seimbang.	3.67	0.83
9	(Pencahayaannya) Pencahayaannya yang digunakan terhadap artifak tidak mendatangkan kerosakkan kepada artifak.	3.66	0.81
10	(Label) Maklumat yang terdapat pada label dan kepsyen adalah jelas dan padat.	3.64	0.84
11	(Keselamatan) Artifak yang dipamerkan disimpan dalam tempat penyimpanan yang selamat.	3.63	0.85
12	(Koleksi Pameran) Setiap koleksi yang dipamerkan disusun mengikut tema,kronologi dan budaya.	3.55	0.82

Jadual 4.6 menunjukkan persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli di Aras 1. Terdapat 12 pernyataan yang dikeluarkan di dalam borang tinjauan ini. Responden bersetuju bahawa koleksi pameran seperti artifak dan objek yang dipamerkan sangat relevan dengan tema pameran dengan skor purata 3.92 (SD 0.90), Pencahayaannya yang digunakan terhadap artifak (Accent Lighting) dapat menyerlahkan kepentingannya dengan skor purata 3.74 (SD 0.82), tempat menyimpan artifak (display cases) sesuai dengan ruang yang digunakan dengan skor purata 3.70 (SD 0.82), bahasa yang digunakan pada label dapat membantu pengunjung memahami artifak yang

dipamerkan dengan skor purata 3.70 (SD 0.76), pencahayaan umum (*general illumination*) yang digunakan memberi keselesaan kepada pengunjung dengan skor purata 3.7 (SD 0.85).

Selain itu, responden juga bersetuju bahawa laluan keselamatan yang digunakan oleh pengunjung ditanda dengan baik dengan skor purata 3.7 (SD 0.78), aliran dan arah dalam memandu pengunjung ke ruang pameran dapat dilihat dengan jelas dengan skor purata 3.69 (SD 0.83), ruang yang terdapat di muzium digunakan secara maksimum dan seimbang dengan skor purata 3.67 (SD 0.83), pencahayaan yang digunakan terhadap artifak tidak mendatangkan kerosakkan kepada artifak dengan skor purata 3.66 (SD 0.81), maklumat yang terdapat pada label dan kapsyen adalah jelas dan padat dengan skor purata 3.64 (SD 0.84), artifak yang dipamerkan disimpan dalam tempat penyimpanan yang selamat dengan skor 3.63 (SD 0.85) dan setiap koleksi pameran yang dipamerkan disusun mengikut tema, kronologi dan budaya dengan skor purata 3.55 (SD 0.82).

4.8.2 Persepsi Pengunjung Terhadap Muzium Orang Asli Gombak di Aras 2

Aras 2: mengandungi seksyen keusahawanan Orang Asli, pendidikan, penasihat dan Ketua pengarah JAKOA, pasukan Senoi Praaq, pegawai pemerintahan Senoi Praaq dan moto, visi, misi dan objektif JAKOA.

Jadual 4.7: Persepsi Pengunjung Terhadap Muzium Orang Asli Gombak di aras 2

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Bil	Persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli di Aras 2	purata	Sisihan piawaian
1	(Koleksi Pameran) Artifak dan objek yang dipamerkan sangat relevan dengan tema pameran.	3.89	0.81
2	(Label) Bahasa yang digunakan dapat membantu pengunjung memahami artifak yang dipamerkan.	3.70	0.82
3	(Koleksi Pameran) Tempat menyimpan artifak (display cases) sesuai dengan ruang yang digunakan.	3.7	0.76

4	(Keselamatan) Laluan yang digunakan oleh pengunjung ditanda dengan baik.	3.68	0.85
5	(Pencahayaannya) Pencahayaannya umum (<i>General illumination</i>) yang digunakan memberi keselesaan kepada pengunjung.	3.66	0.81
6	(Aliran dan Arah) Aliran dan arah dalam memandu pengunjung ke ruang pameran dapat dilihat dengan jelas.	3.65	0.89
7	(Pencahayaannya) Pencahayaannya yang digunakan terhadap artifak (<i>Accent Lighting</i>) dapat menyerlahkan kepentingannya.	3.65	0.81
8	(Pencahayaannya) Pencahayaannya yang digunakan terhadap artifak tidak mendatangkan kerosakkan kepada artifak.	3.65	0.79
9	(Aliran dan Arah) Ruang yang terdapat di muzium digunakan secara maksimum dan seimbang.	3.64	0.84
10	(Keselamatan) Artifak yang dipamerkan disimpan dalam tempat penyimpanan yang selamat.	3.61	0.80
11	(Label) Maklumat yang terdapat pada label dan kapsyen adalah jelas dan padat.	3.60	0.82
12	(Koleksi Pameran) Setiap koleksi yang dipamerkan disusun mengikut tema, kronologi dan budaya.	3.49	0.77

Jadual 4.7 menunjukkan persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli di Aras 2. Terdapat 12 pernyataan yang dikeluarkan di dalam borang tinjauan ini. Responden bersetuju bahawa artifak dan objek yang dipamerkan sangat relevan dengan tema pameran dengan skor purata 3.89 (SD 0.81), bahasa yang digunakan pada label dapat membantu pengunjung memahami artifak yang dipamerkan dengan skor purata 3.70 (SD 0.82), tempat menyimpan artifak (*display cases*) sesuai dengan ruang yang digunakan dengan skor purata 3.7 (SD 0.76) dan laluan keselamatan yang digunakan oleh pengunjung ditanda dengan baik dengan skor purata 3.68 (SD 0.85).

Responden juga bersetuju bahawa pencahayaannya umum (*general illumination*) yang digunakan memberi keselesaan kepada pengunjung dengan skor purata 3.66 (SD 0.81), aliran dan arah dalam memandu pengunjung ke ruang pameran dapat dilihat dengan jelas dengan skor purata 3.65 (SD 0.89), pencahayaannya yang digunakan terhadap artifak (*Accent Lighting*) dapat menyerlahkan kepentingannya dengan skor purata 3.65

(SD 0.81), pencahayaan yang digunakan terhadap artifak tidak mendatangkan kerosakkan kepada artifak dengan skor purata 3.65 (SD 0.79), ruang yang terdapat di muzium digunakan secara maksimum dan seimbang dengan skor purata 3.64 (SD 0.84), artifak yang dipamerkan disimpan dalam tempat penyimpanan yang selamat dengan skor purata 3.61 (SD 0.80), maklumat yang terdapat pada label dan kepsyen adalah jelas dan padat dengan skor purata 3.60 (SD 0.82) dan setiap koleksi yang dipamerkan disusun mengikut tema, kronologi dan budaya dengan 3.49 (SD 0.77).

4.8.3 Fasiliti Muzium

Jadual 4.8: Fasiliti yang Terdapat di Muzium Orang Asli Gombak.

(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Bil	Fasiliti yang terdapat di Muzium Orang Asli Gombak	Purata	Sisihan piawaian
1	Tempat parkir yang disediakan mencukupi	3.53	0.87
2	Muzium Orang Asli Gombak menyediakan kemudahan bagi Orang Kurang Upaya (OKU)	3.53	0.73
3	Kaunter tiket di Muzium Orang Asli mudah diakses.	3.15	1.00

Jadual 4.8 menunjukkan fasiliti yang terdapat di Muzium Orang Asli Gombak. Terdapat tiga pernyataan yang dikeluarkan dalam borang tinjauan ini. Responden bersetuju bahawa fasiliti muzium seperti tempat letak kereta yang disediakan mencukupi dengan skor purata sebanyak 3.53 (SD 0.87), dan Muzium Orang Asli Gombak menyediakan kemudahan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dengan skor purata 3.53 (SD 0.73). Namun, responden kurang pasti dengan fasiliti lain seperti kaunter tiket di Muzium Orang Asli mudah diakses dengan skor purata 3.15 (SD 1.00). Hal ini kerana, diada staf yang ditempatkan di kaunter pernyataan, ini mungkin disebabkan Muzium Orang Asli Gombak kekurangan staf. Pernyataan ini turut dinyatakan oleh Informan 3:

...muzium ini hanya mempunyai 4 orang staf sahaja, jadi kami kekurangan staf sebab tu di kaunter pertanyaan takdek staf yang bertugas... (Informan 3, Temu Bual, 28 Ogos 2024)

4.9 Tindakan Pihak Pengurusan Untuk Menambah Baik Pengalaman Pengunjung

Muzium Orang Asli Gombak telah mengambil beberapa tindakan untuk menambah baik pengalaman pengunjung. Antara tindakan yang dilakukan oleh pihak pengurusan muzium adalah seperti mengambil maklum balas pengunjung, menyediakan platform, menyuarakan maklum balas pengunjung kepada pihak atasan, menyediakan buku catatan dan mengadakan mesyuarat dengan pengurusan tertinggi. Antara salah satu tindakan yang dilakukan adalah menyediakan laman sesawang dan buku catatan. Tindakan ini dilakukan bagi memudahkan urusan pihak muzium untuk mengambil maklum setiap aduan yang diberi oleh pengunjung. Pernyataan ini turut didukung oleh Informan 2 dengan menyatakan

...kami mengambil tindakan maklum balas pengunjung tentang muzium. Seperti yang sedia maklum di ruang kaunter kami telah menyediakan satu buku catatan untuk pengunjung bagi aduan atau memberi maklum balas pengunjung...
(Informan 2, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Oleh itu, semua maklum balas pengunjung, disuarakan kepada pihak atasan untuk mendapatkan peruntukan. Muzium berusaha untuk mendapat peruntukan bagi membaiki muzium seperti penghawa dingin, menambahkan bilangan staf dan lain-lain. Pernyataan ini dapat disokong oleh Informan 1, menurut beliau:

...untuk menangani maklum balas pengunjung setiap maklum balas yang diberi oleh pengunjung akan kami bawa ke pihak atasan... (Informan 1, Temu Bual, 28 Ogos 2024)

Melalui pernyataan tersebut, membaiki pengalaman pengunjung merupakan salah satu tanggungjawab pihak muzium bagi memberi kepuasan kepada pengunjung. Oleh itu, setiap aduan yang diberi oleh pengunjung pihak pengurusan perlu diangkat kepada pihak atasan untuk mendapat tindakan yang selanjutnya. Melalui kaedah ini, secara tidak langsung pihak muzium memberi kepercayaan kepada pengunjung.

4.10 Langkah Untuk Memastikan Pameran Dan Koleksi Relevan

Berdasarkan temu bual pada 28 Ogos 2024 bersama staf Muzium Orang Asli Gombak, terdapat beberapa langkah untuk memastikan pameran dan koleksi sentiasa relevan. Antaranya adalah seperti mengemas kini pameran, mengadakan pameran interaktif, menjalankan kajian kepuasan pengunjung, menggunakan teknologi canggih dan akhir sekali belajar dengan muzium lain.

Antara langkah pertama adalah mengemaskini pameran secara berkala bagi memastikan setiap koleksi yang dipamerkan relevan dengan tema yang dipersembahkan. Pameran perlu diperbaharui agar cara persembahan berkesan dan tidak membosankan pengunjung. Untuk memastikan setiap koleksi yang dipamerkan dapat menarik minat pengunjung dan tidak membosankan, Informan 4 menyatakan bahawa:

...Kita untuk memastikan pameran dan koleksi di muzium sentiasa relevan dan menarik kita akan mengemaskini pameran secara berkala. Mungkin kita akan ubah cara kita mempersembahkan pameran dari masa ke semasa supaya pengunjung tidak merasa bosan dan cara pameran kita tidak ketinggalan zaman. Mungkin kita akan adakan tayangan video tentang kehidupan masyarakat Orang Asli. So benda macam ni kita dapat tarik minat pengunjung dan pengunjung pun tidak merasa bosan... (Informan 4, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Langkah seterusnya adalah mengadakan pameran interaktif. Pameran interaktif dan koleksi muzium sangat berkait rapat kerana pameran interaktif membantu pengunjung mempelajari koleksi muzium dengan cara yang lebih menarik, mudah difahami, dan berkesan. Menurut Andriana & Gunawan (2019), muzium yang mempunyai pameran interaktif membolehkan pengunjung berinteraksi secara langsung dengan koleksi muzium. Kerana pameran interaktif ini menggunakan video, audio visual dan lain-lain. Pameran interaktif juga menggunakan teknologi canggih seperti AR (*Augmented Reality*) dan VR (*Virtual Reality*) dapat meningkatkan interaksi secara langsung dan tidak membosankan di antara pengunjung dengan muzium. Menurut Kechot et.al (2010) antara muzium yang menggunakan pameran interaktif adalah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) iaitu pameran berkaitan dengan keris. Informan 3 turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan berikut:

...untuk kita pastikan pameran dan koleksi sentiasa relevan dan menarik pengunjung adalah usaha untuk dapatkan penggunaan teknologi canggih. Contohnya menggunakan berteknologi tinggi yang menggunakan (AR) atau (VR) untuk membolehkan pengunjung berinteraksi dengan mendalam... (Informan 3, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Akhir sekali, langkah untuk memastikan pameran dan koleksi sentiasa relevan adalah dengan mengkaji kepuasan pengunjung. Menurut Andrea & Sulaiman (2024), kepuasan pengunjung penting untuk meningkatkan kepuasan dan kesetiaan pengunjung terhadap muzium. Dengan ini, pihak muzium dapat memahami keperluan pengunjung dengan mengedarkan borang soal selidik dan kepuasan pengunjung dapat membantu muzium mengenal pasti keperluan dan minat pengunjung. Melalui maklumat ini, muzium boleh merancang pameran dan aktiviti yang lebih relevan dan menarik bagi pelbagai jenis pengunjung. Informan 1 menyatakan seperti berikut;

...Contohnya apabila kami melakukan pameran di luar, kami juga telah menyediakan cadangan maklum balas pengunjung terhadap tema yang akan dibawa pada next pameran, ataupun tema pameran apa yang mereka ingin tahu macam tu... (Informan 1, Temu Bual 28 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan di atas, kajian kepuasan pengunjung perlu dijalankan untuk menentukan kehendak pengunjung terhadap pelbagai jenis pameran, tema dan elemen lain. Oleh itu, muzium boleh menggunakan kajian kepuasan pengunjung untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka pada masa akan datang. Selain itu, kepuasan pengunjung yang tinggi boleh menggalakkan lebih ramai orang ke muzium kerana orang yang berpuas hati lebih cenderung untuk kembali dan mengesyorkannya kepada orang lain.

4.11 Langkah Untuk Menarik Pengunjung

Pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak perlu meningkatkan usaha untuk terus menarik minat pengunjung mengunjungi muzium. Terdapat empat langkah untuk menarik minat pengunjung seperti menayangkan tayangan video, menyediakan pelbagai aktiviti, mengadakan pelbagai jenis tema pameran dan mengubah teknik persembahan pameran.

Penyediaan tayangan video yang bersesuaian di dalam muzium sangat penting dan relevan mengikut peredaran masa. Hal ini kerana tujuan tayangan video adalah untuk memberi pengunjung pengalaman visual atau maklumat tambahan supaya mereka dapat memahami konteks sejarah dan budaya yang dipamerkan. Tayangan video di dalam muzium mampu meningkatkan daya tarikan pengunjung terutama generasi muda yang lebih terbiasa dengan media visual dan interaktif. Informan 2 turut menyokong pernyataan ini, dengan menyatakan bahawa;

...mengadakan tayangan video, bagi menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan. Hal ini kerana, video boleh menyampaikan maklumat dengan cara yang menarik dan mudah difahami terutama apabila menggabungkan elemen visual, audio dan teks. Selain itu, ia juga mampu mengalihkan perhatian pengunjung... (Informan 2, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan di atas, video membolehkan penyampaian maklumat yang lebih interaktif dan mudah difahami dengan visual yang membantu pengunjung memahami konsep atau sejarah dengan mendalam. Jesteru, penyampaian maklumat ini menjadikan pendidikan lebih menarik dan berkesan.

Seterusnya, pelbagai tema pameran juga perlu diwujudkan sebagai salah satu cara untuk menarik minat pengunjung. Hal ini kerana, tema yang berbeza memberikan pengalaman yang lebih menarik dan bervariasi kepada pengunjung, selain membantu mencipta pengalaman yang lebih berkesan dan mendalam. Selain itu, muzium sekiranya hanya berfokuskan pada tema yang sama, ia akan memberi impak negatif kepada para pengunjung. Oleh itu, mempelbagaikan jenis tema pameran juga merupakan salah satu langkah untuk menarik minat pengunjung. Informan 3 turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan:

...kami akan mengeluarkan atau membawa tema yang berbeza setiap pameran, untuk menarik lebih ramai lagi pengunjung. Ini kerana, kalau kami fokus

kepada satu tema ia membosankan sebab fokus hanya satu tema sahaja. Jadi itu kami perbanyakkan tema pameran. (Informan 3, Temu Bual 28 Ogos 2024).

Akhir sekali, mengubah teknik persembahan pameran juga adalah salah satu kaedah untuk menarik minat pengunjung. Contohnya, menggunakan audio visual, AR (*Augmented Reality*) dan VR (*Virtual Reality*). Hal ini kerana, generasi muda yang lebih terbuka kepada penggunaan teknologi. Informan 3 juga turut menyatakan bahawa

...penggunaan teknologi canggih seperti VR dalam Muzium Orang Asli Gombak sangat penting untuk memberi pengunjung berinteraksi secara langsung dengan koleksi dan artifak. Satu lagi penting VR dalam muzium ni kerana dengan bantuan VR pengunjung dapat belajar lebih mendalam tentang kehidupan orang asli pada zaman dahulu... (Informan 3, Temu Bual, 26 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan di atas, penggunaan teknologi seperti AR (*Augmented Reality*) dan VR (*Virtual Reality*) dalam kaedah persembahan pameran sangat penting. Menurut Zain (2019) VR merupakan interaktif pembelajaran yang berkesan kepada pelajar. Hal ini kerana, VR (*Virtual Reality*) membantu pelajar untuk melihat objek secara realiti. Menurut Andriana & Gunawan (2019), VR (*Virtual Reality*) adalah satu teknologi yang membolehkan pengunjung berinteraksi dengan persekitaran yang disampaikan oleh komputer.

4.12 Strategi Promosi

Terdapat beberapa pernyataan strategi promosi yang dinyatakan oleh Informan seperti menggunakan media sosial termasuklah facebook, pameran bertema dan mengadakan aktiviti. Muzium Orang Asli Gombak seringkali menggunakan media sosial untuk mempromosikan aktiviti yang dilaksanakan oleh muzium. Media sosial membolehkan muzium mencapai sasaran besar, merentasi pelbagai demografi dan lokasi dengan kos yang rendah. Informan 1 menyatakan bahawa:

...strategi promosi yang digunakan oleh pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak kami sepenuhnya menggunakan media sosial seperti facebook bagi menyebarkan tentang maklumat dan program yang akan dilaksanakan oleh pihak muzium, dengan ini kita dapat jimatkan kos dan dapat capai audien masa yang singkat... (Informan 1, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Berdasarkan pernyataan di atas, media sosial membolehkan muzium mencapai audiens yang besar dan pelbagai tanpa mengira lokasi geografi. Hal ini kerana, menurut Sannusi (2019) platform seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan TikTok mempunyai berjuta-juta pengguna aktif setiap hari.

Di samping itu, strategi promosi yang pernah dilakukan oleh pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak adalah dengan mengadakan pameran bertema yang dilaksanakan di luar muzium. Pameran bertema dapat menarik perhatian orang ramai kerana ia memberikan fokus kepada topik tertentu yang relevan dan menarik. Oleh itu, kaedah seperti ini mampu menarik minat pengunjung dalam mempelajari dan memahami masyarakat Orang Asli dengan lebih mendalam. Informan 1 menerangkan bahawa

...Melalui pameran luar dapat mencapai misi kami untuk menarik minat pengunjung datang ke muzium. Saya berkata demikian kerana, hasil pameran yang kami bawa pada bulan september di UPM kami mendapat kunjung seramai 150 pelajar dari UPM... (Informan 2, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Seterusnya, mengadakan pelbagai karnival atau aktiviti juga adalah salah satu langkah untuk mempromosikan muzium. Hal ini kerana, karnival dan aktiviti sering menarik perhatian orang ramai dalam pelbagai bentuk hiburan atau pameran. Oleh itu, pengunjung dapat berinteraksi secara langsung dengan objek yang dipamerkan di muzium. Informan 4 juga turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan

...Mempromosikan dilakukan melalui aktiviti yang kita adakan untuk menarik minat pengunjung seperti sewang, aktiviti kebudayaan, melalui aktiviti ini pengunjung boleh melibatkan diri secara langsung dengan aktiviti yang kita sediakan... (Informan 4, Temu bual, 28 Ogos 2024).

Justeru bahawa pelaksanaan aktiviti penting bagi menarik lebih ramai pengunjung dipergiatkan. Menurut Talib (2023), melalui aktiviti ini boleh melibatkan pengunjung secara tidak langsung dalam mengumpul maklumat. Contohnya, melalui aktiviti seperti pemerhatian, membuat rujukan, mendengar dan lain-lain.

4.13 Kerjasama Pihak Muzium Dengan Pihak Berkepentingan

Pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak telah menjalankan kerjasama dengan beberapa agensi untuk menyebarkan maklumat dan menarik minat pengunjung. Terdapat beberapa agensi yang terlibat dalam menjalinkan kerjasama dengan Muzium Orang Asli Gombak seperti Jabatan Warisan Negara, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pihak Muzium Orang Asli Gombak pernah menjalankan kerjasama dengan NGO di bawah dengan mempromosikan dan menarik minat pengunjung. Melalui kerjasama dengan NGO dan muzium dapat melaksanakan pelbagai aktiviti di atas saluran dana yang dibekalkan oleh mereka. Informan 2 juga turut menyokong pernyataan ini dengan mengatakan:

... Sepanjang pihak muzium bekerjasama dengan pihak NGO banyak program atau aktiviti yang dilaksanakan. Contohnya, pameran kebudayaan dan warisan (tarian sewang). Ini kerana kami dapat sumbangan dana dari pihak NGO untuk support kami punya aktiviti... (Informan 2, Temu Bual, 28 Ogos 2024).

Pernyataan di atas, menunjukkan bahawa muzium kecil seperti Muzium Orang Asli Gombak perlu menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan untuk terus mendapat sumber dana bagi menyokong juga aktiviti-aktiviti akan datang.

Selain itu, Muzium Orang Asli Gombak mengadakan kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kerjasama yang terjalin dengan IPT membuka peluang kepada pelajar di universiti untuk mempelajari lebih mendalam tentang kehidupan masyarakat Orang Asli. Informan 2 menyatakan ;

...pada 2 tahun lepas pihak muzium bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia bagi sesi pameran, hasil dari pameran di universiti tersebut kami mendapat kunjungan seramai 150 orang dari pelajar UPM... (Informan 2, Temu Bual 28 Ogos 2024)

Berdasarkan pernyataan di atas, hubungan kerjasama dengan sesebuah organisasi adalah elemen sangat penting untuk menarik lebih ramai pengunjung. Oleh itu, menjalankan kerjasama dengan pihak universiti sangat penting kerana kerjasama ini membolehkan penyelidik dari IPT menjalankan kajian terperinci mengenai budaya, sejarah, dan tradisi Orang Asli. Data yang dikumpul membantu memelihara warisan budaya mereka dan menghasilkan laporan akademik yang berkualiti.

4.14 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang dapatan kajian yang diperoleh daripada kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Hasil daripada kajian kualitatif ialah melalui temu bual dengan empat orang informan yang terdiri daripada staf Muzium Orang Asli Gombak. Sesi temu bual tersebut adalah untuk mendapatkan data bagi menjawab semua objektif kajian. Dapatan kajian yang diperoleh juga telah dianalisis dengan lebih mendalam bagi mendapatkan kajian kes yang terperinci.

Selain itu, hasil kajian daripada kuantitatif pula adalah melalui tinjauan (survey) dengan menggunakan borang tinjauan yang disebarkan melalui Google Form bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Kaedah ini juga dilaksanakan bagi mendapatkan data semua objektif. Soalan yang dibuat melalui borang tinjauan adalah berdasarkan data temubual informan bagi mensahihkan jawapan informan dengan keputusan skor purata dan sisihan piawaian responden.

BAB 5

KESIMPULAN

5. 1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang rumusan keseluruhan bab dalam kajian ini secara ringkas. Rumusan ini merangkumi bab satu, bab dua, bab tiga, dan bab empat. Bab lima juga turut membincangkan mengenai dapatan utama dan cadangan kajian yang boleh dijalankan oleh pengkaji lain pada masa akan datang. Akhir sekali, bab terakhir ini menjelaskan mengenai kesimpulan secara keseluruhan.

5.2 Rumusan Bab

Kajian mengenai: Persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak telah dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengkaji persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak. Akhir sekali, kajian ini dijalankan bagi menganalisis tindakan pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak untuk menarik pengunjung. Oleh itu, kajian mengandungi lima bab yang merangkumi beberapa subtopik bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut.

Bab satu membincangkan mengenai keseluruhan pengenalan kajian. Hal ini merangkumi pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian serta skop kajian. Bab ini turut menjelaskan mengenai kepentingan kajian terhadap masyarakat, individu dan institusi muzium. Permasalahan kajian yang dapat dikenal pasti ialah kekurangan mendapat sambutan dari pengunjung. Kajian ini hanya berfokuskan kepada persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak yang kurang mendapat sambutan.

Bab dua pula membincangkan kajian literatur dan aplikasi teori. Kajian literatur ini berkaitan dengan konsep muzium, peranan muzium, koleksi pameran, jenis muzium di Malaysia, bentuk pameran, pengunjung dan persepsi. Bab dua juga membincangkan tentang teori persepsi yang digunakan dalam kajian ini untuk memahami konsep persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak.

Selain itu, bab tiga menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan bagi memperoleh maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini. Pendekatan kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian manakala pendekatan kuantitatif pula menggunakan kaedah tinjauan atau survei kepada responden. Pengumpulan data pula diperolehi melalui data primer dan sekunder. Data primer merupakan data asli yang dihasilkan daripada sumber kajian seperti data yang dikumpul dari kajian lapangan. Contohnya, borang survei, temu bual dan pemerhatian manakala data sekunder pula didapati melalui buku, jurnal, artikel, surat khabar dan lain-lain. Bab ini juga membincangkan tentang kaedah analisis data yang telah digunakan seperti analisis tematik daripada transkrip temu bual setelah memperoleh data melalui temu bual. Selain itu, semua data yang diperolehi yang dikumpul berdasarkan soalan soal selidik dianalisis menggunakan kaedah deskriptif statistik.

Bab empat pula membincangkan tentang dapatan kajian yang diperolehi daripada kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Data bagi kaedah kualitatif hasil daripada temu bual bersama staf muzium. Dalam kajian ini temu bual dibuat bagi menjawab objektif ketiga iaitu berkaitan dengan tindakan pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak untuk menarik pengunjung. Oleh itu, melalui temu bual ini pengkaji menemui tema-tema baharu kepada kajian ini. Selain itu, data bagi kaedah kuantitatif pula dikumpul melalui tinjauan (*survey*) yang diedarkan kepada responden. Kaedah ini dilaksanakan untuk menjawab kepada objektif faktor yang menyebabkan Muzium Orang Asli Gombak kurang mendapat sambutan dan persepsi pengunjung terhadap Muzium Orang Asli Gombak.

5.3 Dapatan Utama

Dapatan utama yang diperolehi dalam kajian ini antaranya ialah Muzium Orang Asli Gombak telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi menarik pengunjung untuk melawat ke muzium. Hal ini kerana, staf muzium menyatakan melalui aktiviti ini muzium dapat menarik ramai pengunjung. Aktiviti merupakan salah satu inisiatif muzium untuk menarik pengunjung kerana pengunjung boleh melibatkan diri secara langsung dengan aktiviti yang disediakan seperti tarian sewang, aktiviti memasak makanan tradisional masyarakat Orang Asli.

Selain itu, melaksanakan kajian kepuasan pengunjung juga merupakan langkah yang dilakukan oleh Muzium Orang Asli untuk menarik minat pengunjung. Oleh itu, untuk mendapat maklum balas pengunjung muzium menyediakan buku catatan dan laman sesawang untuk mendapat maklum balas pengunjung. Majoriti semua Informan menyatakan bahawa kajian kepuasan pengunjung dilakukan adalah untuk menambah baik dan mengekalkan kesetiaan pengunjung yang melawat Muzium Orang Asli. Kajian kepuasan pengunjung dilaksanakan juga untuk muzium meningkatkan pengurusan perkhidmatan muzium.

5.4 Cadangan

Muzium Orang Asli Gombak adalah salah satu muzium yang mempamerkan tentang kehidupan masyarakat Orang Asli di Semenanjung. Dengan ini semua pihak harus memainkan peranan terutamanya masyarakat itu sendiri dalam menyebarkan lagi maklumat tentang kewujudan muzium ini. Hal ini kerana, tidak semua lapisan suku kaum Orang Asli yang mengetahui tentang kewujudan Muzium Orang Asli Gombak ini. Selain itu, pihak muzium juga perlu memperbanyak aktiviti bersama komuniti Orang Asli di sekitar muzium mahupun luar sekitar muzium.

5.4.1 Kajian Mendalam

Pengkaji berharap agar terdapat lebih ramai lagi pengkaji yang mengkaji dan mengupas tentang Muzium Orang Asli Gombak. Hal ini kerana muzium ini mempamerkan tentang kehidupan masyarakat Orang Asli, namun kurang mendapat sambutan dari kalangan pengunjung. Dengan kajian yang lebih mendalam ini dapat membuka minda masyarakat tentang kewujudan Muzium Orang Asli Gombak. Hal ini kerana, Muzium Orang Asli Gombak ini banyak mempamerkan maklumat tentang kehidupan masyarakat Orang Asli dari pelbagai suku kaum. Dengan ini, secara tidak langsung dapat membuka minda generasi muda masyarakat Orang Asli dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan dan budaya yang dimiliki.

5.4.2 Bantuan Dana daripada Kerajaan

Selama pengkaji membuat kajian lapangan dalam memperoleh data, masalah kekurangan dana, masalah pengangkutan awam sering diperkatakan oleh pihak pengurusan Muzium Orang Asli Gombak. Oleh itu, kerajaan perlu cakna masalah ini supaya Muzium Orang Asli Gombak ini dapat memperbanyakkan aktiviti dan sekaligus memberi manfaat kepada masyarakat yang ingin mempelajari tentang Orang Asli.


RUJUKAN

- Abas, N. H. B., & Yusoff, M. Y. M. (2017). Peranan Galeri Sultan Azlan Shah Sebagai Pendidikan Tidak Formal. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).
- Abu Talib Ahmad (2008). State Museums and Their Representations of the Past in Malaysia, *JMBRAS*, vol. 81, Bah. 2, h. 45-46.
- Abd Jalal, A. F., Abd Rahim, R. A., Broughton, M. Y. A. A., & Alias, A. W. (2020a). Muzium dan kedaulatan institusi beraja di Malaysia. *Jurnal Ulwan*, 5(1), 27-44.
- Abd Jalal, A. F., Pawi, A. A. A., & Rahim, R. A. A. (2020b). Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 122-147.
- Ajayi, V. O. (2017). Primary sources of data and secondary sources of data. *Benue State University*, 1(1), 1-6.
- Albuquerque, M. F., & Delgado, M. B. (2015). Sustainable museumographies- the museum shops. *Procedia Manufacturing*, 6414-6420.
- Ambrose, T. & Paine, C. (2018). *Museum Basics*. London: Routledge Taylor & Francis.
- Andrea, N., & Sulaiman, F. (2024). Pengaruh Kualitas Pelayanan dan Fasilitas Wisata terhadap Kepuasan Pengunjung di Objek Wisata Taman rekreasi dan Rumah Susu Lachio Patumbak. *J-MAS (Jurnal Manajemen dan Sains)*, 9(2), 990-998.
- Andriana, F., & Gunawan, I. V. (2019). Faktor daya tarik display interaktif terhadap pengunjung di Museum Ocean World Trans Studio Bandung. *Aksen: Journal of Design and Creative Industry*, 3(2), 70-78.
- Aziz, I. N. B.(n.d) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kedatangan Pengunjung Ke Muzium Sabah.
- Brown, K. (2019). Museums and Local Development: An Introduction to Museums, Sustainability and Well-being. *Museum International*, 71(3-4), 1-13. <https://doi.org/10.1080/13500775.2019.1702257>
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2): 77-101
- Crane, S. A. (1997). Memory, distortion, and history in the museum. *History and theory*, 36(4), 44-63.
- Creswell, J. W., & Clark, V. P. (2007). Mixed methods research. *Thousand Oaks, CA*.
- Darwis, V. (2021). Komodifikasi Tata Pamer Dalam Upaya Preventif. *Jurnal Konservasi Cagar Budaya*, 15(1), 69-85.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus dewan edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dris. M. (2015) Berita Harian <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/62540/mengenali-sejarah-budaya-orang-asli>
- Fahmi, I. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Pelanggan: Citra Merek, Lokasi Dan Kualitas Produk. *Jurnal Ekonomi Manajemen Sistem Informasi*, 2(5), 565-572.
- Fahy, P. J. (2001). Addressing some Common Problems in Transcript Analysis. The International Review of Research in Open and Distributed Learning, 1(2). <https://doi.org/10.19173/irrodl.v1i2.321>
- Falk, J.H., & Dierking, L.D. (2011). The museum experience. Walnut Creek, CA: Left Coast Press
- Harrison, F. V. (1995). The persistent power of "race" in the cultural and political economy of racism. *Annual review of anthropology*, 24(1), 47-74.
- Hasanah, S. A. N., Agustina, D., Ningsih, O., & Nopriyanti, I. (2024). Teori Tentang Persepsi dan Teori Atribusi Kelley. *CiDEA Journal*, 3(1), 44-54.
- Hung, S.-Y., Chen, C. C., Hung, H.-M., & Ho, W.-W. (2013). Critical factors predicting the acceptance of digital museums: User and system perspectives. *Journal of Electronic Commerce Research*, 14(3), 231.
- ICOM. (2022). ICOM approves a new museum definition. Diakses pada 15 July 2024 dari <https://icom.museum/en/news/icom-approves-a-new-museum-definition>
- Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri I*, 28-29.
- Jeong, J. H., & Lee, K. H. (2006). *The physical environment in museums and its effects on visitors' satisfaction. Building and Environment*, 41(7), 963-969.
- Kechot, A. S., Hassan, Z., & Yunos, Y. (2010). Proses pendidikan muzium: Satu kajian awal. *Jurnal Melayu*, 5, 285-293.
- Marcus, A.S, Stoddard, J.D., & Woodward, W.W. (2012). Teaching history with museums. New York, NY: Routledge
- Marican, S. 2005. Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall
- Maslan, A. (2024). Peranan Muzium di Malaysia dalam Melestarikan Sejarah dan Warisan Haji [The Role of Museums in Malaysia in Preserving Hajj History and Heritage]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 7(1), 156-166.

- Mathieson, A. & Wall, G. 1982. *Tourism: Economic, physical and social impacts*. New York: Longman.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers. Oxford: Routledge
- Mohd Yusof, M. A., Yusoff, M. F. S. M., Malaysia, J. M., & Damansara, J.(n.d) *Muzium Sebagai Institusi Pendidikan Tidak Formal Dalam Pengajaran & Pembelajaran Subjek Sejarah*.
- Muda, R., Kway, E. H., & Razalli, A. R. (2023). Penggunaan aktiviti multisensori dalam pengajaran mengenal huruf murid masalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 77-91.
- Nashuriddin. N.A. (2012) *Prasejarah*, S. T. W. Mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong.
- Nurdin, N., & Baco, Z. (2024). Museum Management and Challenges of Museum Institution at University Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 9(1), 1-30.
- Pimentel, J. L. (2010). A note on the usage of Likert Scaling for research data analysis. *USM R&D Journal*, 18(2), 109-112.
- Rafferty MD (1993) *A Geography of World Tourism*. Prentice Hall, Englewood Cliffs, NJ
- Ritchie, B. W. (2003). *Managing educational tourism* (Vol. 10). Channel View Publications.
- Rozmi Ismail (2013). *Metodologi Penyelidikan: Teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sannusi, S. N., Ibrahim, F., Shaari, A. H., & Subhi, N. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 101-118.
- Saputra, G. W., Kurniawati, K., & Putri, T. E. (2022). Pengaruh kualitas pelayanan pemandu museum terhadap kepuasan pengunjung di Museum Geologi Bandung. *Fair Value: Jurnal Ilmiah Akuntansi dan Keuangan*, 4(11), 5323-5331.
- Stake, R. E. (2010). *Qualitative research: Studying how things work*. Guilford Press.
- Suseela Malakolunthu. 2001. Pengumpulan dan analisis data kualitatif : Satu imbasan. Dlm Marohaini Yusoff (pnyt.) *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm. 121-153. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Walgito, B. (1969). *Jajasan Penerbitan Fakultas Psychologi Gadjah Mada*.

- Yuliasari, Y., & Sari, Y. (2020). Penerapan Konsep Arsitektur Kontemporer pada Art 1: New Museum and Art Space. *Journal of Architectural Design and Development (JAD)*, 1(1), 37-49.
- Zain, M. B. M., & Badri, N. A. B. (2019) Aplikasi “Virtual Reality”(Vr) Dalam Mendokumentasi Data Lukisan Terukur Bagi Kursus ‘Measured Drawing’ Program Seni Bina.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN